


Jilid II
Bil. 18



MALAYSIA

Hari Jumaat
9hb Julai, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1893]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1925]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 1925]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1970]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Bantuan Kewangan kepada Setinggalan-setinggalan [Ruangan 1970]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIEF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N., (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K.
PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN
ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu)
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 9hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

HELIKOPTER DITEMBAK JATUH

1. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertahanan menjelaskan tentang helikopter yang ditembak jatuh dalam bulan April, dan adakah segala tindakan telah diambil supaya kejadian seperti itu tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Helikopter Nuri yang terhempas di kawasan Gubir pada 27hb April, 1976 telah ditugaskan untuk mengangkut bekalan tambahan kepada pasukan keselamatan yang sedang menjalani operasi menentang anasir komunis di kawasan operasi Gubir di sempadan Malaysia dan Negeri Thai. Semasa helikopter tersebut sedang turun hendak mendarat ianya telah ditembak dari bawah oleh musuh. Kapten helikopter tersebut cuba kembali ke Gubir tetapi malangnya helikopter itu telah terhempas di dalam perjalanan. Kesemua 11 orang di dalamnya telah terkorban. Peristiwa tersebut telah dikaji dengan mendalamnya. Segala tindakan serta langkah-langkah keselamatan sedang diambil untuk mengurangkan bahaya kepada helikopter dan penumpang-penumpangnya daripada ancaman musuh dalam masa operasi.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa segala tindakan telah diambil sebelum

helikopter itu mendarat atau anggota-anggota tentera kita telah menjadi complacent dan akibatnya terlampau serious kepada mereka.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, segala langkah-langkah seperti biasa yang dibuat telah dijalankan untuk operasi ini dan berlakunya perkara ini ialah salah satu daripada hazard yang ditempo dalam satu-satu operasi serupa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah penembakan jatuh helikopter ini menunjukkn bahawa gerila-gerila komunis mempunyai S.A.M. (Surface to Air Missile) yang boleh menjatuhkan helikopter ini? Oleh kerana itu mengatakan butir-butir yang mustahak mengenai tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil terhadap perkara ini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diketahui bahawa apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar kerana mengikut pengetahuan Kementerian ini tidak ada senjata seperti itu digunakan, tidak tahulah kalau Ahli Yang Berhormat sendiri mempunyai hubungan yang dapat memberitahu yang ada senjata seperti itu digunakan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sesudah kejadian dan peristiwa helikopter jatuh ditembak itu berlaku, segala langkah dan segala tindakan telah diambil mengawal supaya keselamatan penumpang dikawal, tetapi mengapa maka boleh jadi pula sesudah itu satu peristiwa yang lain di mana pintu sebuah helikopter masih terbang boleh jatuh?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soal pintu helikopter itu adalah satu lapuran yang salah. Yang jatuh

bukan pintu helikopter, oleh sebab itu adalah perkara yang tidak bersangkutan dengan langkah keselamatan yang saya sebutkan tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah benar sebelum helikopter itu mendarat, helikopter itu telah ditembak oleh musuh kita dan di landing ground itu ada booby-trap. Ini menunjukkan tentera kita tidak mengambil langkah yang sewajarnya, biasanya sebelum sebuah helikopter mendarat, landing ground is swept first, cleared of our enemy sebelum helikopter itu mendarat. Adakah benar apa yang saya sebutkan itu?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu memahami maksud soalan Ahli Yang Berhormat, terutama sekali apabila ada kaitannya dengan booby-trap, kerana soal booby-trap tidak timbul langsung dalam kemalangan yang berlaku terhadap helikopter Nuri itu. Jadi, soal booby-trap tak tahu-lah daripada mana maklumat itu diperolehi oleh Yang Berhormat yang berkaitan dengan kemalangan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu samada kominis mempunyai S.A.M. (Surface to Air Missile), sebab itu saya tanya sekiranya tidak atau dinafikan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan dengan apa senjatakah helikopter itu ditembak jatuh?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, pada kajian yang sedang jalankan ini masih belum selesai lagi, jadi tidak dapat saya memberitahu apa yang sebenarnya senjata yang digunakan. Tetapi sebaliknya, jika Ahli Yang Berhormat dapat membantu kita untuk menerangkan apakah senjata yang digunakan, bolehlah kita menerima pandangan daripada beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan yang akhir sekali.

Dr Tan Chee Khoon: Timbalan Menteri tadi kata beliau tidak memahami apa yang saya sebut. Apa yang saya sebut yang pertama apabila helikopter mendarat mereka ditembak oleh musuh kita. Sewaktu helikopter mula mendarat, landing ground itu ada booby-trap. Jika benar perkara ini, menunjukkan anggota-anggota tentera kita

complacent, oleh kerana biasanya pada pendapat saya sebelum sesebuah helikopter mendarat, atau commandship mendarat, tempat itu mesti disiasat dahulu dan dikawal.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali harus pertanyaan Ahli Yang Berhormat boleh jadi terang kalau sekiranya tempat mendarat itu tempat yang sememang sedia helikopter mendarat ataupun mendarat di tempat selepas ditembak dia jatuh di situ.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan. Biasanya, Tuan Yang di-Pertua, jika sesebuah helikopter hendak mendarat tempat itu disediakan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itulah bagaimana saya kata, tempat itu established landing ground, kalau tidak established macam mana hendak pergi bersihkan tempat itu daripada musuh dan sebagainya?

Dr Tan Chee Khoon: Bukan established, helikopter boleh mendarat di tempat yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, saya tak pandai fasal askar ini (*Ketawa*).

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, daripada keterangan Ahli Yang Berhormat tadi saya dapati ada sedikit kurang faham tentang jawapan yang saya berikan iaitu tidak ada soal kenamengena dengan booby-trap dalam soal pendaratan dan seterusnya terhempas helikopter Nuri itu, kerana kejatuhan itu adalah ditembak dan di dalam perjalanan balik helikopter itu jatuh dan soal booby-trap itu ataupun landing pad tidak ada timbul dalam peristiwa yang telah berlaku itu.

CARIGALI DAN MELOMBONG EMAS

2. **Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kementerian ini mempunyai apa-apa rancangan untuk menghidupkan kembali perlombongan emas di Malaysia. Sekiranya tidak, kenapa?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk membenarkan mencarigali dan melombong emas adalah di

tangan Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak Kementerian mendapati bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri tiada menyekat pengeluaran lesen-lesen mencarigali dan melombong emas. Sebagai contoh bahawa perlombongan emas masih terus berjalan, sukaiah saya menyatakan bahawa pengeluaran emas masih dikeluarkan di Bau, Sarawak. Selain daripada itu, ada cadangan pihak swasta membuka semula satu lombong emas di Gua Musang Kelantan. Bagaimanapun, oleh kerana kedudukan keselamatan di kawasan itu kurang baik, cadangan tersebut terpaksa ditangguhkan. Di samping itu, usaha dua buah syarikat mencarigali secara "diamond drilling" di bekas Raub Australian Gold Mine telah menunjukkan deposit yang kurang baik untuk dimajukan.

R.R.I.—GETAH UNTUK TEKNOLOJI KEJURUTERAAN

3. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada R.R.I. (Pusat Penyelidikan Getah) telah menjalankan kajian bagi menggunakan bahan-bahan getah dalam teknologi kejuruteraan secara lebih meluas; jika ya, nyatakan kejayaannya setakat ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang ada penyelidikan seperti itu dijalankan oleh makmal-makmal kita samada di Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (R.R.I.) ataupun The Malaysian Rubber Producers Research Association di United Kingdom yang kedua-duanya dikawal dan diselenggarakan oleh Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia. Melalui kedua-dua badan makmal itu Lembaga tersebut mengarahkan penyelidikan dan kemajuan dalam bidang-bidang penanaman, pengeluaran, pemerosesan dan juga penggunaan getah asli amnya.

Pada keseluruhannya, kejayaan dalam penyelidikan, penggunaan getah asli dari segi teknologi kejuruteraan sangatlah menggalakkan dan kegunaan-kegunaan baru yang telah dihasilkan dari kerja-kerja penyelidikan telah banyak diperkenalkan di negara-negara pengguna yang terbesar dalam bidang-bidang kejuruteraan awam dan mekanikal. Hasil penyelidikan ini telah membuktikan kebolehan dan keupayaan getah asli dalam teknologi kejuruteraan. Kini berpuluh ribu tan getah asli disalurkan tiap-tiap tahun bagi

maksud-maksud kejuruteraan. Kejayaan-kejayaan yang tercapai untuk menggunakan getah asli dalam bidang-bidang kejuruteraan ialah:

- (1) Bridge bearing; untuk jambatan.
- (2) Building mounds sebagai alat menahan gegaran dan mengurangkan goncangan akibat gempa bumi dan sebagainya.
- (3) Dock benders untuk pelabuhan-pelabuhan.
- (4) Alat-alat penting untuk menahan air dalam ampangan.

Getah asli juga digunakan sebagai spring untuk suspension keretapi, suspension motor dan bumpers, impact devices mountings, couplings dalam auto-mobile dan sebagainya kerana getah asli telah membuktikan bahawa ia lebih tahan dari alat-alat besi.

Dalam usaha menggalakkan dan memperluaskan penggunaan getah asli, R.R.I. sentiasa mengadakan rundingan-rundingan dengan jurutera-jurutera, menyedia dan mengedar penerbitan-penerbitan mengenai kemajuan-kemajuan penyelidikan yang dihasilkan di R.R.I. atau NRPA. Pada masa ini ada sebuah filem bertajuk kegunaan getah asli di bidang kejuruteraan atau "engineering use of natural rubber" yang telah disediakan bagi menunjuk, menggalak dan memperluaskan lagi kegunaan getah asli di dalam bidang-bidang kejuruteraan seperti yang telah disebutkan tadi.

PENGEDAR-PENGEDAR DADAH

4. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Undang-undang menyatakan samada pihak Polis hingga ini telah menangkap pengendali atau pembuat dadah yang besar. Adakah benar bahawa setengah dari pembuat-pembuat dadah yang disyaki ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kalangan yang tertinggi.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, pihak Penguatkuasa di seluruh negara sentiasa mengawasi pengedar-pengedar besar dan pembuat dadah. Sepanjang tahun 1975 sejumlah 3,202 orang yang telah ditangkap atas kesalahan-kesalahan dadah. Pihak Polis telah menangkap dan menghantar 68 pengedar dadah besar ke Pulau Jerejak di bawah Ordinan Dharurat

(Pencegah Jenayah). Di masa itu juga pihak Pusat Biro Narkotik telah menangkap 15 pengedar-pengedar besar dadah yang sekarang menghadapi tuduhan di bawah Akta Pindaan baru dan jika mereka didapati salah boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup dan dirotan. Pada tahun 1973 Pusat Biro Narkotik telah menangkap seorang perempuan pembuat dadah di Perak dan dia telah didapati salah dan dihukum penjara selama 12 tahun penjara. Sehingga ini tidak ada keterangan yang menunjukkan adanya hubungan antara pembuat/pengedar dadah dengan kalangan atasan. Di kalangan atasan ini saya tidak faham kerana sangat luas maknanya, tetapi kalau peniaga pun atasan adalah hubungannya.

CREDIT GUARANTEE CORPORATION—PINJAMAN BUMIPUTRA

5. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa banyak orang dari kaum bumiputra pergi ke bank-bank untuk mendapatkan bantuan Credit Guarantee Corporation (C.G.C.) untuk mendapatkan pinjaman tidak mendapat layanan dan peminjam-peminjam ini dipermainkan-mainkan sahaja oleh bank-bank yang dikatakan hendak memberi pertolongan kepada kaum bumiputra, kiranya sedar, apakah tindakan-tindakan yang berkesan diambil oleh Kerajaan supaya peminjam-peminjam bumiputra ini tidak dipermainkan-mainkan oleh bank-bank;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa di Sabah kaum bumiputra sangat susah untuk mendapatkan bantuan pinjaman C.G.C. ini, kiranya sedar, apakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan ajensinya sendiri di Sabah untuk menolong bumiputra mendapatkan pinjaman terus darinya atau adakah cara yang ada sekarang memuaskan; dan
- (c) semenjak C.G.C. ditubuhkan berapa orang telah mendapat bantuan dan jumlah bantuan yang telah diberi dan berapa banyak telah diberi kepada anak bumiputra di Sabah dan berapa ramai yang telah diberi layanan dan berapa ramai telah ditolak.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya rasa bank-bank bukanlah sengaja mempermainkan kaum bumiputra yang ingin mendapatkan pinjaman di bawah rancangan jaminan kredit tetapi mungkin ramai daripada mereka ini telah menghadapi beberapa kesukaran untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman itu dari bank-bank berkenaan. Kesukaran ini timbul kerana kebanyakan daripada mereka ini mungkin tidak dapat memberi maklumat yang lengkap ataupun maklumat-maklumat yang sepenuhnya tidak diberikan. Ini menimbulkan kesulitan kepada bank-bank untuk menimbangkan permohonan-permohonan pinjaman tersebut. Saya telah diberitahu mengenai beberapa contoh permohonan pinjaman yang tidak lengkap dimana pegawai-pegawai bank yang memproses pinjaman-pinjaman ini menganggap permohonan-permohonan tersebut sebagai tidak "viable". Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengarahkan bank-bank perdagangan supaya menubuhkan unit-unit khas di setiap cawangan mereka untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada kaum bumiputra. Khidmat nasihat dan bimbingan yang sama juga adalah diberi oleh C.G.C. kepada mereka yang memerlukannya. Di samping itu, Kerajaan telah juga mengarahkan bank-bank perdagangan supaya mengeluarkan pinjaman sekurang-kurangnya 10% daripada simpanan tabungan (savings deposit) mereka dibawah rancangan jaminan C.G.C. Tindakan-tindakan yang diambil ini telahpun memberi kesan dan pinjaman dibawah rancangan jaminan C.G.C. sekarang ini telah melebihi peratusan 10% yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- (b) Saya suka memaklumkan bahawa jumlah pinjaman bumiputra yang telah diluluskan di Sabah di bawah rancangan jaminan C.G.C. sehingga akhir bulan Mei, 1976, adalah lebih kurang \$20.3 juta ataupun 6 daripada jumlah pinjaman yang telah diluluskan bagi seluruh Malaysia berbanding dengan peratusan pinjaman bumiputra di negeri-negeri lain seperti di

Trengganu 2%, Perlis 0.5% dan sebagainya. Berdasarkan kepada perbandingan ini, adalah tidak betul bahawa di Sabah, kaum bumiputra sangat susah untuk mendapatkan bantuan pinjaman C.G.C. Samada C.G.C. patut menubuhkan cawangannya di Sabah untuk menolong bumiputra mendapatkan pinjaman terus darinya adalah tidak berbangkit lagi kerana C.G.C. hanyalah menjamin pinjaman-pinjaman itu manakala pinjaman-pinjaman itu pula adalah dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan.

Pada masa ini saya berpendapat bahawa peraturan-peraturan yang diamalkan sekarang adalah mencukupi.

- (c) Sehingga akhir bulan Mei, 1976, seramai 40,314 peminjam telah diluluskan pinjaman yang berjumlah sebanyak \$344 juta di bawah Rancangan Jaminan Perbadanan ini. Daripada jumlah itu, sebanyak \$20.3 juta telah diluluskan kepada kaum bumiputra di Sabah.

Jumlah permohonan pinjaman daripada bumiputra di Sabah yang diterima oleh C.G.C. ialah sebanyak 4,227 dan yang ditolak ialah sebanyak 1,259 permohonan.

PELABURAN ARAB DALAM PERINDUSTRIAN

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan amaun dan jenis pelaburan-pelaburan Arab yang dilaburkan di negara kita.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Sehingga masa ini belum ada lagi modal Arab yang telah dilaburkan di dalam projek-projek perindustrian di negara ini.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan berhubungan dengan negara-negara O.P.E.C. untuk mereka menanam pelaburan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga? Adakah projek-projek yang digalakkan bagi mereka melabur dalam negeri ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ini pertanyaan lain Yang Berhormat. Ini tidak bersangkutan-paut dengan soalan yang asal.

TABUNG PUSINGAN MEMBINA RUMAH

7. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah digunakan setakat ini daripada Tabung Pusingan \$10 juta yang ditubuhkan untuk menggalakkan rakyat miskin membina rumah untuk mereka;
- (b) siapakah yang layak memohon untuk mendapatkan pertolongan daripada Tabung Pusingan tersebut; dan
- (c) bilangan orang yang telah memohon untuk bantuan tersebut dan bilangan yang berjaya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi menjawab soalan (a) Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya secara dasarnya telah bersetuju untuk mengeneipkan sebanyak \$2 juta kepada Negeri Perak dan \$1 juta kepada Negeri Kedah dari Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan ini bagi tujuan pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi rakyat berpendapatan rendah.
- (b) Mengikut Dasar Perlaksanaan Sekim Pinjaman Perumahan Kumpulan Wang ini, pemohon-pemohon dari golongan berpendapatan rendah (yang kurang daripada \$300 sebulan) dan yang layak dipertimbangkan untuk pinjaman dari sekim ini hendaklah tergulung kepada satu atau daripada kumpulan-kumpulan seperti di bawah ini:
 - (i) mereka yang mempunyai tanah perumahan di persekitaran sesuatu estet perindustrian;
 - (ii) penduduk-penduduk kampung baru yang diberi tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri;
 - (iii) pekerja-pekerja estet dan lombong iaitu menurut perakuan-perakuan Badan Bertugas di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat; dan
 - (iv) orang-orang yang terlibat dalam projek-projek pembangunan Kerajaan Pusat dan perlu ditempatkan semula di tempat-tempat lain.

- (c) Setakat ini sebanyak 78 permohonan individu telah diterima, dan permohonan-permohonan itu sedang di proses.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak penduduk-penduduk dalam kampung-kampung istimewa dalam kawasan Sungai Siput memohon untuk mendapatkan pinjaman dari Kementerian beliau tidak dapat jawapan selepas 5 bulan? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan untuk menyegerakan memproses permohonan-permohonan tersebut?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain daripada Kumpulan Wang Pusingan \$10 juta. Tetapi walau bagaimanapun, pinjaman berkenaan dengan perumahan awam ialah Kementerian saya memberi fund atau wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pembangunan rumah-rumah kos rendah yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya katakan tadi . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kepala Batas.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah diberi kepada semua negeri dan kalau ada setakat manakah yang telah diuntukkan kepada Pulau Pinang?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi sekali soalan lain juga.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya soal tadi ialah pinjaman dari Tabung Pusingan.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pusingan telah saya jelaskan tadi dengan jelasnya iaitu empat sekim yang mana permohonan-permohonan di sepanjang hari ini kita terima ialah 78 permohonan sahaja.

OPEN PLAN SCHOOLS SYSTEM

8. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) latarbelakang dan fungsi "Open Class System" yang akan dilancarkan di beberapa buah sekolah di negara ini tidak berapa lama lagi;
- (b) kejayaan yang telah dicapai setakat ini dengan bermulanya "Open Class System" ini di beberapa buah sekolah rendah di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur; dan
- (c) bilangan sekolah-sekolah yang akan mula memakai sistem ini di Malaysia terutama sekali di Johor.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya anggap apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah "OPEN PLAN SCHOOLS SYSTEM". Open Plan Schools System ini adalah diamalkan pada masa ini di beberapa buah sekolah di Negeri United Kingdom, tetapi di negara kita ini pada masa ini tidak ada rancangan untuk menjalankan percubaan sistem ini. Walaupun demikian beberapa orang Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah di Malaysia telahpun pernah didedah (exposed) kepada "idea-idea" berkaitan dengan sistem ini di dalam kursus-kursus dalam perkhidmatan (in-service courses).
- (b) Memandangkan kepada jawapan saya yang diberi tadi, perkara ini tidak timbul.
- (c) Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, Kementerian Pelajaran tidak ada sebarang rancangan untuk menerima Sistem ini, pada masa sekarang.

HARGA GETAH

9. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa harga getah di Semenanjung Malaysia sekarang ini lebih murah daripada getah yang terdapat di negara-negara jiran seperti Thailand dan ini menyebabkan getah-getah di Malaysia dibawa ke sana, serta nyatakan apakah usaha-usaha yang akan dibuat bagi meninggikan lagi harga getah di negara kita. Sekurangnya sama mahal dengan harga yang terdapat di negara jiran.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, harga getah di Semenanjung Malaysia adalah lebih tinggi daripada harga getah yang terdapat di negara-negara jiran seperti Thailand. Dan pada keseluruhannya harga getah Malaysia bagi tiap-tiap gred di pasaran getah antarabangsa adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan harga getah negara-negara pengeluar getah yang lain. Sungguhpun begitu adalah difahami bahawa quantity kecil getah telah diseludupkan keluar negeri untuk mengelakkan pembayaran cukai dan ses. Dan ada kemungkinan getah itu telah dijual dengan harga yang lebih murah daripada harga yang berpatutan.

Langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah penyeludupan dengan sebaik-baiknya. Sungguhpun harga getah pada masa sekarang masih diperingkat yang sesuai tetapi paras harga tidaklah begitu stabil. Usaha-usaha Kerajaan pada masa sekarang adalah untuk mendapatkan kerjasama antara negara-negara pengeluar getah asli untuk mengujudkan perjanjian penstabilan harga getah asli antarabangsa supaya usaha-usaha bersama di bawah perjanjian itu adalah sesuai untuk mencapai paras harga yang memuaskan dalam masa jangka panjang.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Saya ingin tahu dan minta penjelasan yang lebih lanjut.

Yang pertama, mengikut kenyataan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan tadi mengatakan harga getah di Malaysia lebih tinggi daripada yang terdapat di negara jiran. Apa yang saya ingin tahu apakah maksud harga getah yang lebih tinggi di Malaysia itu, adakah getah ini getah yang belum diproses ataupun getah S.M.R.?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa apa yang berlaku di sempadan Thailand ataupun di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand ini bahawa getah-getah daripada orang kampung itu dapat dijual di negeri Thailand dengan harga yang lebih mahal daripada apa yang terdapat daripada pembeli-pembeli di kampung.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan yang pertama, apakah sebab harga getah Malaysia bagi tiap-tiap

gred tinggi daripada harga getah daripada negara yang lain. Selalunya di pasaran getah antarabangsa, harga yang ditawarkan bagi getah Malaysia selalunya satu dua sen satu kilo tinggi, sebab pengguna-pengguna dan pengimpot-pengimpot negeri luar berharap quality getah itu boleh dijamin. Dan juga kalau kita jual bulan Julai tetap pada bulan Julai getah itu sampai pada negara yang telah membeli getah itu. Tetapi kalau kita bandingkan dengan getah daripada negeri jiran, ada kadangkalanya kita beli satu, dapat dua tiga. Dan lagi kita beli bulan Julai, barangkali bulan Disember baru sampai. Itu sebabnya.

Soalan yang kedua, berkenaan dengan getah yang diseludupkan ke negeri Thai. Seperti saya katakan tadi ada kecenderungan atau insentif bagi orang yang membawa getah ini lepas ke sempadan, sebab kalau kita pandang pada harga getah sekarang \$2 satu kilo, misalnya. Bayaran cukai dan ses kena 47 sen. Kalau kita dapat getah itu diseludupkan ke negara jiran, dia boleh jual getah itu sekurang-kurangnya 30 sen atau 40 sen ke bawah daripada harga yang terdapat di negara kita ini atau di pasaran antarabangsa. Dan saya tidak berapa faham apakah maksud Ahli itu tadi, tetapi yang saya dapati satu punca yang besar untuk penyeludupan getah ke negeri Thai ialah melalui Sungai Golok, iaitu berdekatan dengan sempadan di antara Kelantan dengan negeri Thai. Dan ini berlaku oleh sebab ada lima buah pelesen getah di Sungai Golok itu, ada store yang berdekatan dengan Sungai Golok. Pada suatu hari, saya pergi melawat ke tempat sana dengan pegawai Kastam di negeri Kelantan bersama dengan Inspektor Polis, kita nampak sampan di tengah sungai itu ada getah daripada Malaysia. Tetapi kita tidak boleh buat apa-apa, kerana dia ada di tengah sempadan iaitu di tengah sungai itu.

Dan apa langkah yang boleh diambil, pihak berkuasa pelesen negeri Kelantan di bawah Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah ini telah enggan membaharui lesen-lesen peniaga itu, kecuali mereka pindahkan premises itu luar daripada Sungai Golok itu. Itu adalah satu langkah.

Tuan Embong bin Yahya: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pernah sebuah negara jiran yang membeli getah semata-mata daripada Malaysia sebab mereka tidak ada pokok getah.

Tetapi apabila dapat ke negeri dia, apabila hendak diekspot, di cap dan dikatakan getah itu buatan dia yang paling baik di dunia. Itu satu cara yang negeri itu cuba hendak menjatuhkan getah Malaysia. Adakah sedar perkara ini dan adakah pernah berlaku atau tidak?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, semua getah yang keluar daripada Malaysia ini menggunakan tajuk "Product of Malaysia". Getah yang dikeluarkan daripada negara lain tidak dibenarkan menggunakan perkataan "Product of Malaysia". Jadi kalau negara jiran hendak tipu menggunakan "Product of Malaysia" melainkan getah ini dikeluarkan daripada Malaysia ini; kita tidak dapat kawal hal itu. Tetapi ada kemungkinan negara jiran kita ini ada kadangkala menggunakan "Product of Malaysia". Tetapi langkah seperti ini pada masa Malaysia dengan Singapura dahulu kedua-duanya ada satu langkah bersama bagi membiarkan Singapura menggunakan "Product of Malaysia". Tetapi ini telah dihentikan sejak tahun 1974. Seperti yang saya katakan tadi, kalau negara jiran hendak menggunakan cap itu untuk hendak dapat satu dua sen sekilo tinggi, itu dalam negara kita tidak dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali Yang Berhormat boleh terangkan lagi "Product of Malaysia" itu di tiap-tiap keping getahkah ataupun di bale yang besar. Tujuan Yang Berhormat, saya ingat pada tiap-tiap keping, rasanya.

Tuan Lew Sip Hon: Pada tiap-tiap keping, tiap-tiap bale. Dan juga kalau di dalam pallet, case tiap-tiap getah S.M.R yang sekarang ada di depan case itu. Tiap-tiap satu bale atau tiap-tiap satu pallet mesti ada "Product of Malaysia".

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menerangkan mengenai harga getah S.M.R., itu saya faham. Apa yang saya maksudkan dalam soalan tambahan saya tadi ialah harga getah yang belum diproses yang terdapat pembeli-pembeli di kampung atau di bandar seperti di Kota Bharu, Trengganu iaitu getah yang belum diproses. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar harga getah yang belum diproses yang terdapat di

Thailand lebih mahal daripada yang terdapat pembeli-pembeli di Malaysia, itu maksud soalan tambahan saya. Kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham apa yang dikatakan tadi. Harga getah yang belum diproses dijual di negara Thailand dengan harga yang lebih tinggi atau lebih murah daripada harga getah yang dijual di Malaysia.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Saya kata harga getah yang belum diproses itu lebih tinggi ataupun lebih mahal daripada getah yang dijual di Malaysia. Sebabnya pelesen getah di Malaysia ini dapat menjual di Thailand dengan mendapat untung, itu saya rasa sudah jelas.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa getah yang belum diproses dijual di negara jiran harganya lebih daripada harga di sini, tetapi seperti saya katakan tadi kalau dijual murah itu tentulah ada sebabnya, sebab mereka hendak elakkan pembayaran cukai (cess). Kalau Yang Berhormat ada bukti di mana perkara itu terjadi, saya mintalah butir-butirnya.

KUTIPAN TOL

10. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar pengutipan tol di Jambatan Muar telah diberhentikan; jika ya, nyatakan samada Kerajaan bercadang hendak membatalkan pengutipan tol di Tanjong Malim dan di Batu Pahat; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar kutipan tol di Jambatan Muar telah diberhentikan pada masa sekarang. Kementerian saya sedang mengkaji bersama-sama dengan pihak Perbendaharaan berkenaan dengan kutipan tol di Jambatan Batu Pahat dan Slim River, Perak.

BEKALAN AIR

11. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada

beliau sedar bahawa penduduk-penduduk daerah Muar terutama sekali di sepanjang Jalan Temenggong Ahmad, menerima bekalan air paip yang tidak cukup dan keadaan ini telah mereka deritai begitu lama, dan jika sedar, apakah langkah segera yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar akan keadaan tekanan air yang rendah di kawasan bandar Muar. Ini adalah akibat daripada bertambahnya permohonan-permohonan menyambungkan bekalan air daripada punca-punca air yang mana telah sampai had keupayaan maksimumnya. Bagi mengatasi masalah ini satu rancangan telah dicadangkan untuk membina satu sekim bekalan air yang baharu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

BURUH BUMIPUTRA DALAM SWASTA

12. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada benar kebanyakan pekerja-pekerja Bumiputra sahaja menjadi buruh dalam firma-firma dan dalam sektor swasta; dan
- (b) samada terlalu kurang bilangan Bumiputra diberi peluang di bahagian pekerjaan melatih pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir di bidang jurugegas, pelatih letrik dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar sama sekali jika dikatakan kebanyakan pekerja-pekerja bumiputra sahaja menjadi buruh dalam firma-firma dan sektor swasta. Dasar Kerajaan ialah untuk menentukan bahawa pekerjaan dalam semua sektor dan di semua peringkat pekerjaan mencerminkan proportion penduduk Malaysia. Dalam dasar ini Kementerian berkehendakkan supaya pekerja bumiputra dapat tempat yang sewajarnya di semua peringkat dalam sektor swasta. Kementerian saya telah mematuhi dasar ini dengan sepenuhnya. Bahagian Pekerjaan Kementerian saya yang bertugas untuk mendaftar dan

menempatkan pencari-pencari pekerjaan terutamanya di sektor swasta sentiasa berusaha untuk menempatkan lebih bumiputra dalam semua peringkat pekerjaan di firma-firma dan sektor swasta. Misalnya, dalam tahun 1975 penempatan-penempatan bumiputra yang telah dibuat mengikut peringkatnya adalah seperti berikut:

Kumpulan Pekerjaan	Jumlah Penempatan di dalam Peringkat	Penempatan Bumiputra
1. Kumpulan Ikhtisas Professional Teknikal ...	1,674	1,205
2. Kumpulan Pentadbiran dan Pengurusan ...	24	21
3. Kumpulan Perkeranian	3,019	2,192
4. Perkhidmatan Jualan ...	653	367
5. Service Workers ...	1,653	1,142
6. Kumpulan Pertanian dan Haiwan dan Perikanan ...	721	604
7. Kumpulan Pengeluaran	23,837	17,202

Daripada butir-butir yang diberi di atas itu maka jelaslah bahawa penempatan bumiputra bukanlah tertumpu kepada peringkat buruh sahaja. Dasar Kerajaan untuk menempatkan lebih bumiputra di semua peringkat pekerjaan di firma-firma dan sektor swasta akan terus dilaksanakan.

- (b) Adalah tidak benar juga jika dikatakan bahawa kurang bilangan bumiputra yang diberi peluang untuk latihan kemahiran. Kementerian saya sedang menjalankan dua buah Institiut Latihan Perindustrian dan dasar yang telah diikuti ialah untuk memberi peluang yang lebih kepada bumiputra. Bagi seluruh tahun 1975 dan sehingga bulan Jun tahun ini seramai 2,352 orang peserta kursus dalam berbagai-bagai bidang kemahiran telah dilatih di Institiut-institiut yang saya katakan itu. Dari jumlah itu 1,520 peserta adalah terdiri dari kaum bumiputra. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan memberi peluang yang luas kepada bumiputra untuk mengikuti latihan-latihan kemahiran. Institiut-institiut latihan yang lain di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, MARA dan juga pusat-pusat Pelajaran tinggi mengikuti dasar yang sama. Dasar ini adalah sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru yang telah diistiharkan oleh Kerajaan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan seolah-olah memberikan gambaran bahawa tidak ada apa-apa masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja bumiputra di dalam hendak mendapatkan pekerjaan di dalam swasta. Tetapi semalam dalam *Berita Harian* Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian ada mengatakan bahawa sikap pihak swasta di dalam pengambilan pekerja-pekerja bumiputra kurang menggalakkan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tentang sikap pihak swasta yang kurang menggalakkan dari segi pengambilan bumiputra dan jika sedar, apakah tindakan Kementeriannya.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini soalan lain. Tetapi saya boleh menerangkan bahawa jika specific example dapat ditunjukkan kepada Kementerian saya mengenai hal-hal itu, kita akan mengambil tindakan.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah Kementeriannya sedar bahawa ada satu kumpulan bumiputra yang terdiri daripada pemuda-pemuda yang diambil bekerja buat sementara bagi satu-satu waktu seperti lawatan Yang Berhormat Menteri atau orang besar, sewaktu pembukaan ataupun lawatan mengejut di kilang-kilang itu, dan kumpulan ini diberhentikan setelah lawatan itu dengan tujuan untuk memberi gambaran kepada pihak Kerajaan ataupun pihak yang berkenaan bahawa kilang-kilang atau perusahaan itu menggunakan bumiputra, tetapi yang sebenarnya tidak begitu?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan apakah tindakan sektor swasta telah ambil untuk memberi latihan kepada kaum bumiputra untuk mendapatkan kemahiran. Adakah Kementerian beliau puas hati atas tindakan pihak swasta?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

MAJLIS PERTANIAN

13. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kementeriannya bercadang hendak mengadakan Majlis Pertanian atau Peladang Daerah serupa dengan majlis-majlis lain seperti Majlis Keselamatan dan Majlis Pembangunan Daerah atau Negeri dengan tujuan memberi kesan yang lebih baik untuk kepentingan penduduk-penduduk luar bandar yang sebilangan besarnya terdiri dari kaum-kaum tani.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, walaupun pandangan Ahli Yang Berhormat dari Jasin ini mempunyai tujuan dan niat yang baik tetapi buat masa ini Kementerian saya tidak lagi bercadang untuk mengadakan Majlis Pertanian Daerah dan Negeri. Ini ialah disebabkan Pegawai Pertanian telah diberi tempat di daerah-daerah yang mana pegawai-pegawainya telah menjadi Ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Pembangunan Daerah. Begitu juga Pengarah-pengarah Pertanian di peringkat negeri telah diberi tempat sebagai Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan di peringkat negeri. Adanya Pegawai-pegawai Pertanian diberi tempat di daerah dan di negeri semua masalah-masalah pertanian bolehlah dibincangkan ke peringkat daerah dan peringkat negeri.

WANG SIMPANAN TABUNG HAJI

14. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar berita kemerosotan Bakal Haji tahun ini dan adakah kemerosotan tersebut menjejaskan kadar wang simpanan Tabung Haji sendiri. Kalau terjejas maka adakah menyebabkan tergendalanya rancangan-rancangan pembangunan Tabung itu di masa hadapan. Dan apakah corak tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan kedua-dua kemerosotan itu.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa bilangan Bakal Haji yang telah mendaftar untuk menunaikan Fardhu Haji pada tahun ini telah merosot jika dibandingkan dengan angka pada tahun sudah, tetapi kemerosotan itu tidaklah menjejaskan kadar wang simpanan Tabung ini pada keseluruhannya.

Penyimpan-penyimpan di Tabung ini adalah dibahagikan kepada 2 kategori:

- (i) Penyimpan Jangka Panjang.
- (ii) Penyimpan Jangka Pendek.

Penyimpan jangka panjang merupakan sebahagian besar daripada jumlah penyimpan di Tabung ini yang berjumlah seramai 264,899 penyimpan dan mereka ini menabung simpanan bagi tujuan simpanan jangka panjang melalui potongan gaji, simpanan melalui Pejabat-pejabat Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Negeri, Pejabat Pos dan sebagainya; manakala penyimpan jangka pendek yang lebih kecil bilangannya adalah terdiri kebanyakannya daripada Bakal-bakal Haji yang hendak pergi ke Tanah Suci pada tahun yang berkenaan.

Dari itu tidaklah boleh dinafikan bahawa penyimpan di kategori (ii) iaitu Penyimpan Jangka Pendek adalah berkekurangan apabila bilangan Bakal Haji yang mendaftar untuk menunaikan Fardhu Haji pada tahun ini merosot, tetapi sebaliknya perkara itu tidak mengendalakan rancangan-rancangan Pembangunan Tabung Haji yang dibiayai oleh simpanan-simpanan jangka panjang seperti yang tersebut di atas.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki keadaan ini dari masa ke semasa untuk menambah penyimpan-penyimpan di Tabung Haji baik penyimpan-penyimpan jangka panjang ataupun jangka pendek.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan. Oleh kerana pada keseluruhan Bakal-bakal Haji yang belayar dengan kapal laut, misalnya, membawa bekalan makanan sendiri dengan secukupnya, maka tidak adakah satu rancangan Kerajaan untuk merendahkan bayaran sara hidup mereka di Mekah sebagai satu langkah untuk mengurangkan kemerosotan ini.

Tuan Haji Othman bin Abdulah: Tuan Yang di-Pertua, soal itu sebenarnya tidak timbul, tetapi bukanlah itu sebabnya, maka menimbulkan kemerosotan jumlah Bakal Haji bagi tahun ini.

PENGEMIS-PENGEMIS DI BANDAR

15. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai dan menyimpan rekod-rekod menunjukkan bilangan

pengemis-pengemis di bandar-bandar besar di Malaysia seperti Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban, Melaka, Johor Bahru dan Kota Bharu dari tahun 1970-1975.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada menyimpan rekod-rekod semua pengemis-pengemis, Kementerian saya hanya menyimpan rekod-rekod mengenai bilangan pengemis yang ditangkap oleh pihak Polis dan yang dikelolakan oleh Jabatan-jabatan Kebajikan masyarakat Negeri-negeri.

Walaupun demikian, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian Kementerian saya telah menjalankan satu kajian mengenai pengemis-pengemis yang berada dalam bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia dalam tempoh bulan Julai hingga bulan Oktober, 1974. Untuk kajian ini Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat telah membuat hitungan pengemis bagi satu hari yang ditetapkan. Daripada perhitungan ini didapati 221 orang pengemis di Wilayah Persekutuan, 70 orang di Pulau Pinang, 91 orang di Ipoh, 22 orang di Seremban, 15 orang di Melaka, 22 orang di Johor Bahru, dan 10 orang di Kota Bharu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada separuh daripada pengemis-pengemis itu dianggap sebagai pengemis-pengemis professional yang pernah pergi daripada satu pekan besar ke pekan besar yang lain semata-mata untuk meminta sedekah sebagai mata pencarian. Jika sedar, tidakkah terfikir oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa kajian untuk menentukan bilangan pengemis di bandar-bandar besar ini boleh membantu Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi problem pengemis.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar atas masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan sekarang ini masih lagi mencari jalan cara mana supaya dapatlah dipisahkan antara pengemis professional dengan mereka yang sebenarnya mengemis kerana susah.

PENUNTUT BUMIPUTRA DI UNIVERSITI DALAM SAINS

16. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar pelajar-pelajar Melayu yang masuk ke Universiti-universiti di negara ini masih ramai mengambil kursus Sastra daripada Kursus Sains, jika ya, mengapa?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Ya. Berdasarkan kemasukan penuntut-penuntut ke Universiti tempatan pada tahun ini adalah didapati 72.95% penuntut-penuntut Bumiputra telah mengikuti kursus di aliran Sastera dan 26.74% pula mengikuti kursus-kursus di aliran sains.

Sebab-sebab mengapa lebih ramai penuntut-penuntut memasuki aliran Sastera ialah kerana pada masa ini kekurangan calon-calon Bumiputra yang mempunyai kelayakan yang cukup untuk memasuki kursus aliran Sains di Universiti-universiti tempatan.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah untuk mengimbangkan kedudukan yang tidak sama itu?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya selain daripada memberikan lebih galakan-galakan kepada mereka, banyak universiti-universiti tempatan kita ada memberi pre-university courses. Saya ingat ini membolehkan mereka dapat lebih minat dan juga dapat mengukuhkan perasaan mereka di dalam pengetahuan sains. Jadi, inilah langkah-langkah yang diambil. Perkara yang mustahak, saya ingat mesti memberikan lebih galakan kepada mereka, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memainkan sedikit peranan kepada mereka.

PERUMAHAN AWAM

17. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) bilakah peringkat pertama projek perumahan yang menelan belanja sebanyak \$67 juta di Cheras, Kuala Lumpur akan siap;
- (b) bilakah peringkat pertama Rancangan Perumahan "Site and Services" di Salak Selatan, Kuala Lumpur akan siap; dan

- (c) bilakah permohonan untuk orang ramai yang bergaji rendah dibuka untuk kawasan tersebut.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka terlebih dahulu memaklumkan iaitu projek perumahan awam di Kawasan Cheras yang dijangka akan menelan belanja lebih kurang \$67 juta itu sebenarnya adalah terbahagi kepada beberapa buah projek perumahan iaitu Projek Perumahan Belia, Projek Usahasama di antara Dewan Bandaraya dan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan (Housing Developers Association), Projek Perumahan Awam Batu 3½ Jalan Cheras dan beberapa projek-projek lagi. Jika kerja-kerja pembinaannya berjalan mengikut jadual, peringkat pertama sebahagian daripada projek-projek di kawasan Cheras ini dijangka akan dapat disiapkan pada awal tahun 1977, sementara yang lainnya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di sepanjang Rancangan Malaysia Ketiga. Menjawab soalan (c) berkaitan projek-projek perumahan di kawasan Cheras itu, saya suka menerangkan di sini bahawa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang menyelarasakan projek-projek itu akan menerima permohonan daripada orang ramai pada ketika yang sesuai dan munasabah, yakni selepas syarat-syarat dan peraturan mengenai permohonan tersebut dapat ditetapkan oleh Dewan Bandaraya tersebut menurut mana-mana peringkat pembangunan projek-projek itu disempurnakan.
- (b) Berkenaan dengan soalan (b) Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan iaitu perlaksanaan peringkat pertama Rancangan Perumahan "Site and Services" di Salak Selatan adalah sedang giat dijalankan oleh pihak UDA. Ada terdapat beberapa masalah sosial dan teknikal di dalam proses perlaksanaan projek itu dan sekiranya halangan seperti itu tidak berlaku maka projek "Site and Services" bagi peringkat pertama di Salak Selatan itu dijangka akan disiapkan pada awal tahun 1977. Menjawab soalan (c) mengenai projek perumahan

"Site and Services" tersebut, saya ingin menerangkan iaitu permohonan tidak akan dibuka kepada orang ramai kerana projek ini adalah melibatkan penempatan semula penduduk-penduduk bersabit dengan projek perumahan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban. Pemilihan ke atas mereka yang terlibat itu bagi memiliki rumah-rumah yang dibina serta syarat-syaratnya akan ditentukan oleh satu Jawatankuasa Alihan yang dilantik oleh pihak UDA bersama-sama pihak Dewan Bandaraya dan Pejabat Tanah Wilayah Kuala Lumpur.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa apa-apa rancangan-ancangan perumahan di tempat yang berkenaan tidak dapat disiapkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua ini dan akan disempurnakan di sepanjang Rancangan Malaysia Ketiga. Apakah sebab-sebabnya mengapa rancangan-ancangan itu terbengkalai dan tidak dapat disiapkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan masalah-masalahnya yang dihadapi dan jika masalah-masalah ini disedari, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal supaya masalah ini tidak timbul sekali lagi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Yang Berhormat itu terlalu panjang, saya fikir eloklah dibuat satu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab lainkah atau soalan lain?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kurang terang.

Tuan Yang di-Pertua: Suruh Ahli Yang Berhormat itu soal cara lainkah atau hendak

Tuan Haji Ramli bin Omar: Soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Biar pendek sedikit Yang Berhormat.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan. Saya difahamkan dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan

Menteri bahawa ada rancangan-ancangan perumahan di tempat-tempat yang dimaksudkan itu tidak dapat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Oleh itu, tentulah ada sebab-sebab dan masalahnya yang membuatkan rancangan-ancangan itu tidak dapat dilaksanakan. Saya harap dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan samada masalah-masalah ini disedari dan kalau disedari apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya masalah ini jangan berulang di dalam melaksanakan rancangan perumahan ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya panjang, tetapi terang sedikit daripada tadi.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalahnya barangkali Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum dalam masa Rancangan Malaysia Kedua negara kita dilanda oleh inflasi dan stagflasi.

Berkenaan dengan pembinaan perumahan yang terbengkalai, sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu barangkali haruslah ada bahan dan lain-lain itu telah begitu meningkat tinggi. Jadi, itulah sebabnya terbengkalai rancangan-ancangan yang tersebut. Walau bagaimanapun kita sedar yang mana pembangunan Rancangan Malaysia Kedua rumah-rumah yang shortfall yang terbengkalai dahulu akan kita laksanakan juga dalam Rancangan Malaysia Ketiga, ini jaminan saya beri kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

PELAJARAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH

18. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bersetuju bahawa pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah Kerajaan hanya sebagai melepas batuk di tangga sahaja. Jika tidak bersetuju apa alasan-alasannya.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Saya tidak bersetuju dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat itu yang

menyatakan bahawa pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah sebagai melepaskan batuk di tangga kerana perlaksanaan pelajaran itu di sekolah-sekolah adalah dibuat mengikut peruntukan-peruntukan Akta Pelajaran 1961 seksyen 36 dan 37 yang berpandukan kepada syor-syor Penyata Pelajaran Razak 1956 dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960.

Jika ia merupakan melepaskan batuk di tangga ini bermakna samalah seperti tidak ada pelajaran Ugama Islam sama sekali. Saya percaya jika kita tidak mengadakan kesannya tentulah jauh berbeza dari yang pelajaran Ugama Islam sama sekali kesannya tentulah jauh berbeza dari yang terdapat sekarang.

Walau bagaimanapun Kementerian sendiri belum berpuas hati dengan kesempurnaan pelaksanaannya. Oleh sebab itu langkah-langkah sentiasa diambil untuk memperbaiki pelaksanaan pelajaran itu dari semasa ke semasa.

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI-NEGERI

19. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan sumbangan Kewangan Negeri-Negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis, untuk membiayai projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, suka saya menjelaskan bahawa kekurangan kemajuan yang didapati di berapa buah negeri seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis ialah akibat daripada dasar Kerajaan Kolonial dahulu yang tidak memberi keutamaan kepada pembangunan negara keseluruhannya seperti yang dijalankan oleh Kerajaan selepas kita mencapai Kemerdekaan. Oleh yang demikian, mereka telah ketinggalan di belakang dalam bidang kemajuan. Dalam keadaan demikian Kerajaan-Kerajaan negeri itu tidaklah mempunyai keupayaan dari segi kewangan untuk menjalankan usaha-usaha kemajuan negeri. Memandangkan keadaan seperti ini, maka Kerajaan Pusat akan membantu negeri-negeri yang kurang maju dengan membiayai kebanyakan, jika tidak pun keseluruhannya, perbelanjaan untuk rancangan pembangunan dalam negeri-negeri itu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

JAWATAN GURU BESAR/ JAWATAN TAMBAHAN

20. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar beberapa buah sekolah terutama sekali di Kelantan, yang sepatutnya mempunyai tukang kebun, jaga dan tukang sapu masih lagi belum mempunyainya. Jika ya, apakah rancangan beliau untuk memenuhi kekosongan tersebut; dan
- (b) apakah perkara-perkara yang dipertimbangkan bagi seseorang guru penolong untuk perlantikan sebagai guru besar, daripada guru besar pangkat "C" ke Pangkat "B" dan daripada Pangkat "B" ke Pangkat "A".

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Saya sedar akan keadaan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan jawatan-jawatan tambahan yang diperlukan itu.
- (b) Perkara-perkara yang dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat seseorang guru penolong ataupun guru biasa sebagai guru besar samada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah, ialah kelulusan, merit atau kesesuaian, pengalaman, kebolehan dan kekananan seseorang guru yang diperakukan untuk dinaikkan pangkat.

KAPALTERBANG YANG TERHEMPAS

21. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan kapal-terbang yang terhempas atau binasa setakat ini akibat tembakan semasa perang sempadan dengan komunis dan juga nyatakan bilangan anggota-anggota pasukan keselamatan yang terkorban atau cedera dalam insiden-insiden tersebut.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Menurut fasal 23 (1) (f), Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan memandangkan bahawa kenyataan seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada sesiapa melainkan pihak musuh negara, saya tidak mahu menjawab soalnya; walaupun Ahli Yang Berhormat itu mendesak.

GERABAK KERETAPI TANAH MELAYU

22. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa keadaan gerabak-gerabak Keretapi Tanah Melayu, terutama sekali gerabak-gerabak kelas dua dan tiga, adalah sangat buruk dan usang serta kotor sekarang, dan jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk mengantikannya dengan gerabak-gerabak yang baru dan mengadakan suatu peraturan mengenai penyenggaraan kebersihan di dalamnya.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa koc-koc penumpang yang berkhidmat sekarang telah berusia lebih kurang 40 tahun. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mendapatkan gantinya.

Sejumlah 34 buah koc baru berjenis "luxury" dan "Pelancung" telahpun dipesan dari Negeri Jepun dan koc-koc ini dijangka akan sampai ke Negara kita pada bulan September tahun ini.

Kebersihan koc-koc pada amnya adalah baik kecuali dalam masa cuti Am manakala teren-teren penumpang menjadi penuh sesak dan ini menyebabkan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu terpaksa melebihi jumlah bilangan teren penumpang dari yang biasa dan terpaksa menggunakan koc-koc yang sama. Namun demikian segala daya usaha tetap dijalankan untuk menjamin kebersihan dalam koc-koc penumpang.

PEJABAT-PEJABAT PENGANGKUTAN JALAN NEGERI

23. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau bercadang hendak menambah beberapa lagi Pejabat Pendaftaran Kereta Motor di tiap-tiap negeri di Malaysia Barat; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian saya memang bercadang menambah lagi Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan Negeri dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan cadangan-cadangan ini telahpun dimasukkan dalam rancangan pembangunan untuk diluluskan dalam sidang Parlimen ini.

PELANGGAN-PELANGGAN TALIPON

24. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar susah untuk mendapatkan sambungan talipon di kawasan-kawasan yang baru. Tidakkah Kementerian mempunyai satu rancangan raksaksa bagi menghadapi pembahagian ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kementerian Perhubungan sedar atas kesusahan mendapat talipon pada setengah-setengah tempat yang baru dibuka. Di setengah-setengah tempat baru, apabila rancangan-rancangan perkembangan talipon siap dibina, perkhidmatan talipon boleh didapati oleh pemohon-pemohon.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Talikom ada beberapa rancangan yang besar yang meliputi semua bandar-bandar termasuk tempat-tempat yang sedang dibuka untuk perusahaan dan perumahan. Dengan rancangan tersebut, adalah dianggar pelanggan-pelanggan talipon akan berjumlah kira-kira lebih dua kali ganda dalam tempoh masa Rancangan Lima Tahun yang Ketiga ini, dan adalah diharap bahawa masaalah tersebut itu dapat dikawal.

INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

25. Tuan Haji Mohamad Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan calon dari semua kaum yang memasuki Universiti-Universiti dan Institusi Pelajaran Tinggi dalam tahun ini di seluruh negara.
- (b) bilangan pelajar kita yang dihantar menyambungkan pelajaran tinggi di seberang laut tahun ini.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Bilangan calon-calon dari semua kaum terpilih bagi kemasukan ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia bagi kursus-kursus ijazah yang memerlukan kelulusan S.T.P./H.S.C. sebagai ke- layakan masuk ialah 3,844. Universiti Teknologi Malaysia sedang di dalam proses pengambilan penuntut-penuntut dan bilangan sebenarnya belum lengkap lagi pada masa ini.

Bagi Institusi Pelajaran Tinggi yang lalu jumlah bilangan calon yang diterima masuk ialah seperti berikut:

Institusi Teknologi MARA ...	3,060
Politeknik Ungku Omar	
(Anggaran saja) ...	775
Kolej Tunku Abdul Rahman	2,523
Jumlah ...	6,358

- (b) Saya percaya soalan ini ialah mengenai pelajar-pelajar yang dihantar dengan biasiswa oleh badan-badan penghadiah biasiswa dalam negeri ini. Dalam perkara ini saya suka menjawab bahawa sebilangan besar pelajar-pelajar yang dihantar dengan biasiswa untuk pelajaran tinggi di negara-negara di seberang laut akan pergi dalam bulan Ogos dan September tahun ini. Maka angka pelajar-pelajar itu akan diketahui hanya pada awal tahun hadapan.

PEMBORONG BEKALAN MAKANAN ANGKATAN TENTERA

26. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertahanan menjelaskan pengumuman yang dibuat oleh Timbalannya mengenai makanan yang rosak dan busuk yang diberi kepada anggota Angkatan Tentera kita, dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pertahanan terhadap tuduhan tersebut.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Saya telahpun menjawab suatu soalan yang meminta maklumat yang sama seperti yang diminta oleh soalan yang dikemukakan sekarang ini, pada hari Isnin 5hb Julai, 1976 dahulu.

Diharap Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kepada jawapan yang diberikan untuk soalan pertama pada 5hb Julai, 1976 di dalam Penyata Rasmi Parlimen.

GURU-GURU TERLATIH

27. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa buah sekolah menengah akan dibina di seluruh negara di dalam Rancangan Malaysia Ketiga;

(b) berapa buah sekolah pada tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;

(c) samada bilangan guru-guru yang terlatih untuk ditugaskan di sekolah-sekolah tersebut mencukupi;

(d) jika bilangan guru-guru yang terlatih tidak mencukupi, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasinya.

Dr Mahathir bin Mohamad:

(a) 163

(b) Johor ...	10
Melaka ...	11
Negri Sembilan ...	12
Selangor ...	19
Perak ...	13
Pulau Pinang ...	5
Kedah ...	22
Perlis ...	1
Kelantan ...	17
Trengganu ...	8
Pahang ...	14
Jumlah Semenanjung Malaysia	132
Sabah ...	17
Sarawak ...	14
Jumlah seluruh negara ...	163

(c) dan (d) Bilangan guru-guru yang terlatih untuk sekolah-sekolah menengah dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan mencukupi. Seperti Yang Berhormat sedia maklum empat buah pusat sementara bagi melatih guru-guru telahpun dibuka. Sementara itu pusat latihan guru yang ada telah diarah menambah pengambilan calon. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah dijangka sebanyak 25,440 akan dilatih. Bilangan ini adalah 14,550 lebih daripada yang dilatih dalam Rancangan Malaysia Kedua.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG RANCANGAN KELUARGA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Rancangan Keluarga, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bernama Akta Perubatan (Pindaan), 1976, bagi meminda Akta Perubatan 1971 dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan seperti berikut:

- (a) Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta itu supaya seseorang yang memegang sesuatu kelulusan yang sesuai dalam perubatan dan pembedahan tetapi yang tidak disenaraikan dalam Jadual Kedua kepada Akta itu mestilah, selain dari apa-apa kehendak lain yang sedia ada, lulus suatu peperiksaan yang akan ditetapkan atau diadakan oleh suatu badan yang diluluskan oleh Menteri sebelum ia boleh menjadi berhak untuk didaftarkan buat sementara sebagai seorang pengamal perubatan;
- (b) Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan suatu seksyen baru 34A yang akan membolehkan seseorang penuntut perubatan menjalankan, dalam mengikuti pengajiannya, apa-apa penyiasatan, pemeriksaan, atau perawatan mengenai pesakit-pesakit dalam mana-mana institusi perubatan atau kesihatan yang diluluskan oleh Menteri jika penuntut itu berbuat demikian di bawah kawalan

dan penyeliaan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan semasa yang sah;

- (c) Fasal-fasal 5 dan 6 bertujuan untuk meminda seksyen 40 dan seksyen 41 bagi melanjutkan tempoh perkhidmatan perubatan yang diwajibkan bagi maksud-maksud negara daripada tidak kurang dari dua tahun kepada tidak kurang dari tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang bertajuk Akta Perubatan (Pindaan) 1976 bagi bacaan kali kedua dan diluluskan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.38 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) dan saya hendak menyentuh dua tiga perkara.

Pertama ialah berkenaan dengan doktor-doktor muda dalam perkhidmatan Kerajaan menjadi mangsa kerana kelemahan-kelemahan di dalam dasar-dasar kesihatan dan perubatan. Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa ketika dahulu apabila peraturan-peraturan untuk mewajibkan perkhidmatan selama dua tahun diperkenalkan di Parlimen, Parti D.A.P. telah menyokong langkah tersebut kerana kami percaya di dalam prinsip perkhidmatan kebangsaan untuk semua rakyat dan perkhidmatan selama dua tahun yang diwajibkan itu adalah satu cara perkhidmatan kebangsaan.

Pindaan kepada Akta Perubatan ini bertujuan melanjutkan tempoh perkhidmatan perubatan yang diwajibkan daripada dua tahun kepada tiga tahun. Ini patut dibantah berdasarkan kepada dua sebab: satu, ianya tidak demokratik dan adalah bertentangan dengan kehendak-kehendak popular doktor-doktor muda dan juga tua di seluruh negara kita ini. Sebab yang kedua yang juga lebih serious ialah kerana kekurangan rancangan-rancangan perubatan yang bijaksana serta pentadbiran yang kurang cekap (maladministration) yang telah memaksa ramai doktor-doktor meletakkan jawatan mereka daripada perkhidmatan Kerajaan dan

dengan demikian telah mengakibatkan keadaan kekurangan doktor-doktor. Keadaan kekurangan doktor-doktor yang teruk ini telah memaksa Menteri yang berkenaan dengan secara tergesa-gesa menambahkan setahun lagi perkhidmatan yang diwajibkan itu supaya dengan membuat demikian, beliau ingin "press-gang" doktor-doktor muda ini untuk menyelesaikan masalah kekurangan doktor.

Adakah Menteri berkenaan telah mencuba langkah-langkah lain bagi mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor? Menteri berkenaan harus menjalankan kempen rekrutmen untuk mendapatkan lebih ramai doktor-doktor. Baik di sini ataupun di negara-negara lain dengan lebih berazam dan imaginasi. Satu pengkajian harus dibuat tentang negara-negara yang mempunyai doktor-doktor yang kelebihan dan selepas itu menghantarkan rombongan rekrutmen kepada negara-negara berkenaan itu. Jiran tetangga kita, Singapura, telah mengadakan nisbah doktor-pesakit yang tinggi. Adakah Yang Berhormat Menteri telah berusaha mendapatkan doktor-doktor di sana untuk berkhidmat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadar gaji dan keadaan kerja (working condition) di dalam perkhidmatan perubatan Kerajaan harus dikaji semula supaya menggalakkan doktor-doktor jangan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Adalah benar mereka itu tidak boleh dibayar kadar gaji yang serupa dengan doktor-doktor di sektor swasta (private) tetapi jika kadar-kadar gaji adalah munasabah, ramai doktor-doktor tidak akan meletakkan jawatan mereka kerana "hospital practice" mempunyai penarikan-penarikan (attractions) untuk doktor-doktor yang ingin menjalankan praktik perubatan sebagaimana praktik perubatan itu patut dijalankan. Kenaikan pangkat mesti berdasarkan merit dan jika tidak, semangat doktor-doktor dan kakitangan mereka akan merosot dan ini telahpun terjadi kerana kini birokrat-birokrat telah menaikkan pangkat kawan-kawan mereka dan juga menaikkan pangkat doktor-doktor yang tidak begitu berkebolehan. Dan ini semua menjelaskan mengapa seluruh perkhidmatan perubatan di negara kita ini di dalam keadaan tak senonoh (mess). Sebab moral doktor sudah turun sangat.

Parti D.A.P. menyeru supaya diadakan satu penyiasatan khas oleh sebuah suruhanjaya bebas untuk menyiasat ke dalam masalah kekurangan doktor-doktor dan juga sebab-sebab dalam hal kemerosotan perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Dalam masa jangka panjang, lebih banyak Kolej-kolej perubatan harus ditubuhkan. Buat masa ini, hanya dua kolej perubatan (medical school) sahaja ujud di negara kita. Harus ditubuhkan sebuah kolej perubatan di Pulau Pinang dan kemungkinan menubuhkan sebuah kolej perubatan di Johor Bahru juga diberi perhatian kerana terdapat minat yang luar biasa di hospital di situ di dalam bidang pengajian dan pelajaran kerana taraf perubatan yang dipraktikkan di hospital tersebut adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor berkaitan yang lain yang memaksa doktor-doktor berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan ialah dasar-dasar politik yang tidak betul yang cuma memburukkan keadaan keselamatan yang serious dan juga dasar-dasar pelajaran yang tidak flexible yang doktor-doktor dan juga rakyat lain di negeri kita merasa bimbang kerana mereka berpendapat tidak terdapat masa hadapan yang cerah di negeri kita ini untuk anak-anak mereka. Sayugia diadakan satu kajian di dalam setiap dasar politik dan pelajaran Kerajaan.

Sebaliknya, doktor-doktor harus bersifat "public-spirited" dan kurang "self-centered". Pindahan ke negara lain dan perletakan jawatan adalah jalan yang senang tetapi saya berharap mereka (doktor-doktor) tidak akan berbuat demikian dan sebaliknya, tinggal di Malaysia dan bantu memperbaiki perkhidmatan perubatan kepada rakyat jelata serta mengambil bahagian di dalam politik supaya membawa perubahan-perubahan untuk kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu fasal di sini iaitu Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan satu Seksyen baru 34A yang berbunyi seperti di bawah:

"Pemeriksaan dan perawatan pesakit-pesakit oleh penuntut-penuntut perubatan. Akta 30.

34A. (1) Walau apapun yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, adalah sah di sisi undang-undang bagi seseorang yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembelajaran di mana-mana Universiti atau Kolej

Universiti yang ditubuhkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menjalankan, pada mengikuti kursus pengajian itu, apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan mengenai pesakit-pesakit dalam mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan, atau institusi lain, yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud-maksud seksyen ini melalui pemberitahu dalam Warta, dengan syarat penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan itu dijalankan oleh orang itu di bawah kawalan dan penyeliaan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan semasa yang sah.

Saya berasa dukacita sebab di dalam Fasal ini Kerajaan ada menyatakan yang dia tidak mengakui kalau pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut di Kolej Universiti yang ada menyiasat pesakit, tetapi kalau pesakit itu ingat dia berasa tidak baik dan mahu sue Kerajaan, Kerajaan kata dia tidak bertanggungjawab atas hal ini dan penuntut atau pelajar sendiri mahulah bertanggungjawab atas perkara itu. Ini saya rasa sangat tidak adil sebab semua penuntut dan pelajar dalam Kolej Universiti apa yang dibuat di bawah satu medical officer atau specialist yang lain yang ada kuasa dan ada qualification, Kerajaan mesti bertanggungjawab dan mesti supervise tanggungjawab. Kalau penuntut itu tidak ada perlindungan (protection), saya rasa, Kerajaan tidak adil. Saya pun dapat tahu mengenai hal ini tidak ada dibincangkan dengan perbadanan M.M.A. Ini adalah satu clause baru yang ditunjukkan di sini. Tidak ada perbincangan dibuat dengan M.M.A. atau pegawai-pegawainya. Ini tidak adil. Saya harap Menteri yang berkenaan tarik balik Fasal 4 iaitu Seksyen Baru 34A. Apabila sudah dibincangkan dengan pegawai-pegawai M.M.A. barulah dibentangkan di sini.

3.50 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Kesihatan.

Yang pertamanya, saya sedar dan saya mengaku bahawa bukan sahaja negara kita yang mengalami bahkan diseluruh dunia ada kekurangan doktor-doktor, tiada satu negara di seluruh dunia boleh dikatakan ada mencukupi, ada kelebihan. Itu saya akui. Dan di negara kita malangnya kita tiada mencukupi doktor-doktor dan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mana kita mahu memperluaskan perkhidmatan perubatan kepada rakyat jelata di tanahair kita, maka kita perlu mengambil lebih banyak doktor-doktor. Saya hendak bertanya kepada Menteri Kesihatan, mengapakah Kerajaan Barisan Nasional, khasnya Kementerian Kesihatan buat diskriminasi ini terhadap profession perubatan kepada doktor-doktor di tanahair kita. Bukankah kita ada kekurangan guru-guru Sains, bukannya kita ada kekurangan akitek dan lain-lain pegawai di dalam lain-lain profession juga, mengapakah doktor-doktor di tanahair kita dapat dipaksa berkhidmat di dalam perkhidmatan Kementerian Kesihatan yang mula-mulanya dua tahun, sekarang Menteri Kesihatan hendak memanjangkan masa itu daripada dua tahun kepada tiga tahun.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Mula-mulanya, Tuan Yang di-Pertua, beliau telah menyatakan yang ia akan memanjangkan masa itu bukan kepada tiga tahun, tetapi kepada lima tahun. Lebih baik Menteri Kesihatan memanjangkan perkhidmatan doktor-doktor di tanahair kita semur hidup, mereka tidak boleh berkhidmat di private sector atau nationalise profession perubatan di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan diskriminasi ini boleh menjadi counter productive lebih baik Kerajaan dan Kementerian Kesihatan siasat dengan teliti dan mendalamnya apakah sebab-sebab doktor yang muda mahupun doktor-doktor yang tua yang telah menjadi doktor perunding, doktor pakar di dalam Kementerian Kesihatan keluar daripada Kementerian dan kalau Kerajaan menyiasat dengan teliti dan mengambil tindakan untuk memenuhi hasrat doktor-doktor yang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, maka mereka tidak akan keluar daripada Kementerian Kesihatan.

Saya berani menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dan Akta ini akan menjadi counter productive. Menteri Kesihatan memang sedar di dalam Universiti Hospital, ada 60 lebih jawatan housemen dan tiap-tiap tahun ada lebih calon untuk lebih daripada 60 tempat di sana, tetapi malangnya tahun ini walaupun ada 60 lebih post di Universiti Hospital, cuma ada 20 lebih calon yang ingin berkhidmat di Universiti Hospital dan saya percaya ada kekurangan houseman juga di lain-lain hospital.

Ini saya tahu dalam satu bulan lebih yang lepas dan pada masa sekarang saya tidak tahu, oleh sebab saya baharu balik dari luar negeri dan diharaplah keadaan itu boleh diperbaiki. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, ini menunjukkan sebelum Menteri Kesihatan membawa Akta ini atau pindaan ini ke Dewan ini, langkah ini telah menjadi counter-productive dan saya percaya sebelum mereka tiba akhir tiga tahun, saya sedar Akta ini akan diluluskan di dalam Dewan ini, tetapi sebelum tiga tahun doktor-doktor yang muda ingin mencari tempat di bidang swasta atau lebih serious, mereka ingin mencari tempat di luar negeri. Mereka tidak percaya kepada Kerajaan kita dan khasnya Kementerian Kesihatan dan mencari tempat berkhidmat di luar negeri. Ini adalah terlampau serious terhadap Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Menteri Kesihatan telah berhubung dengan M.M.A. Saya juga sedar M.M.A. telah bersetuju dengan pindaan ini, tetapi saya berani menyatakan M.M.A. telah menerima cadangan pindaan ini dengan under duress dan Menteri Kesihatan sendiri sedar di dalam persidangan perwakilan M.M.A. semua doktor di sana telah membantah dengan pindaan yang telah di bawa oleh Menteri Kesihatan pada hari ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat kata "under duress", ini boleh kalau sampai masanya, memberi bukti-bukti?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tidak payah saya memberi bukti, Menteri Kesihatan sendiri sedar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kesihatan boleh siasat dan mengalami langkah-langkah yang boleh menahan doktor-doktor keluar dari Menteriannya, jangan memaksa mereka berkhidmat lebih satu tahun, (sekarang dua tahun) Kerajaan berkehendakkan doktor yang muda memanjangkan perkhidmatannya daripada dua kepada tiga tahun. Langkah-langkah yang perlu diambil oleh Menteri Kesihatan ialah seperti berikut, dan saya berharap Menteri Kesihatan boleh mengambil perhatian.

Yang pertama, Menteri Kesihatan dan Kementerian Kesihatan juga sedar working conditions atau kemudahan-kemudahan yang diberi oleh doktor-doktor tidak begitu sesuai. Doktor-doktor dihantar ke sini, dihantar ke sana, mereka tidak belajar apa-apa dan mereka tidak berpuas hati dan mereka menunggu-nunggu sahaja, sudah tiba tiga tahun, dia kata tabik tuan, dia keluar. Atau dia panas hati, bukan tabik tuan sahaja, tetapi tabik tuan, dia meninggalkan tanahair kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mestilah memberi peluang dalam masa tiga tahun berlatih bagi doktor-doktor muda yang terpaksa berkhidmat di dalam Kementerian Kesihatan. Mereka mestilah benar-benar diberi peluang untuk dilatih di dalam apa-apa bidang perubatan supaya mereka boleh mengambil peluang peperiksaan yang lebih tinggi dalam apa-apa bidang yang mereka telah dipilih.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kesihatan sendiri sedar ada scholarship (biasiswa) yang diberi oleh Kementerian Kesihatan, tetapi oleh sebab sebelum pindaan kontrek yang diluluskan oleh Dewan ini, doktor-doktor di tanahair kita tidak percaya langsung terhadap biasiswa yang diberi oleh Kementerian Kesihatan. Dan selepas itu tiada doktor-doktor yang hendak mengambil kesempatan untuk menerima apa-apa biasiswa yang diberi atau akan diberi oleh Kementerian Kesihatan. Oleh itu saya berharap Kementerian Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri mesti mengambil segala tindakan supaya doktor-doktor muda boleh berlatih dan diberi peluang untuk mengambil peperiksaan, seumpamanya seseorang yang hendak mengambil peperiksaan M.R.C.O.G., mereka barangkali boleh mengambil Part One di sini, tetapi mereka tidak

boleh mengambil Part Two di tanahair kita dan mereka sekurang-kurangnya mesti keluar daripada tanahair kita ke lain-lain tempat seperti Australia, United Kingdom untuk berlatih dan mengambil peperiksaan selama dua tahun.

Saya berharap Kementerian Kesihatan boleh memberi no pay leave kepada mereka bukan sahaja selama setahun, kerana setahun tidak cukup, Kementerian Kesihatan boleh memberi mereka cuti selama dua tahun supaya mereka benar-benar ada kesempatan untuk pergi berlatih di United Kingdom dan mengambil peperiksaan dan kalau mereka lulus mereka boleh balik serta berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Kalau Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak menerima cadangan saya, saya percaya doktor-doktor muda yang mahir, yang bijaksana dan cerdik, bila tiba masanya, dia kata tabek tuan, Menteri Kesihatan dan mengucapkan terima kasih dan selepas itu dia melepaskan perkhidmatannya atau keluar daripada Kementerian Kesihatan, kemudian pergi ke United Kingdom. Ini menunjukkan jika perkara ini berlaku, Kementerian Kesihatan akan kehilangan seorang doktor lagi. Langkah-langkah seperti yang disebutkan oleh saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyiasat dengan teliti dan bersimpati maka beliau akan mengurangkan doktor-doktor muda yang keluar daripada Menteriannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya sendiri telah baca dan telah mendengar Menteri Kesihatan menyatakan Kerajaan akan siasat kemungkinan membuka Fakulti Perubatan di Pulau Pinang, tetapi selepas itu sudah satu tahun lebih, saya tengok Menteri Kesihatan diam sahaja, mengapakah Menteri Kesihatan diam sahaja? Beliau telah mengumumkan Menteriannya akan siasat cadangan itu, dan beliau telah pergi ke Pulau Pinang untuk menambahkan doktor di tanahair kita. Saya hendak mencadangkan dan hendak menarik perhatiannya yang beliau perlu siasat keadaan di Universiti Malaya. Di Universiti Malaya, kalau Kerajaan Pusat mahupun Kementerian Kesihatan berkehendakan mereka boleh menambahkan 32 tempat untuk Fakulti Perubatan di sana, dan pada tiap-tiap tahun bukan sahaja 128 orang doktor akan keluar daripada Fakulti Perubatan di Universiti Malaya, tetapi 160 orang doktor kalau 32 tempat itu digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri Kesihatan jangan kata "Oh! wakil dari Kepong ialah seorang anggota Majlis Universiti Malaya, mengapa beliau tidak bawa cadangan ini di sana." Beliau sedar apa yang saya buat di sana. Saya berharap beliau akan siasat perkara ini dan mengarahkan wakil daripada Menteriannya di Majlis Universiti Malaya iaitu Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Perubatan di Majlis Universiti, mengarahkan kedua-dua pegawai tertinggi di sana membangkitkan perkara ini di dalam Majlis Universiti dan pada tahun akan datang diharap akan ditambahkan 32 tempat untuk Fakulti Perubatan di Universiti Malaya. Selain daripada itu, saya memang bersetuju dengan pindaan yang kedua dalam Fasal 2 yang mengatakan:

"(aa) in the case of a person who holds a qualification referred to in subparagraph (ii) of paragraph (a), he has passed such examination as may be prescribed or set for the purpose of this paragraph by a body approved by the Minister; and".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini membaca atau apa?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya tersalah baca:

"(aa) mengenai seseorang yang memegang sesuatu kelulusan yang tersebut dalam perenggan-kecil (ii) perenggan (a), ianya telah lulus peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan atau diadakan bagi maksud perenggan ini oleh suatu badan yang diluluskan oleh Menteri; dan".

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini telah dibincangkan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan Majlis tersebut telah mencadangkan bahawa Kerajaan perlu mengadakan pindaan ini supaya Majlis ada kuasa untuk memeriksa doktor-doktor yang datang daripada Universiti-universiti atau Fakulti-fakulti Perubatan yang tidak boleh ditempatkan dalam Jadual Kedua dan saya bersetuju dengan sepenuhnya langkah yang diambil oleh Menteri Kesihatan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya akan membantah tentang langkah yang akan memanjangkan perkhidmatan doktor-doktor muda daripada dua tahun ke tiga tahun dan

saya berharap apa-apa yang disebutkan oleh saya bukan bersendirian atau tuduhan bersendirian terhadap Yang Berhormat Menteri Kesihatan, tetapi saya telah mengemukakan pandangan saya dan juga rakan-rakan saya di dalam profession perubatan yang berkehendakkan saya menyuarakan nasib doktor-doktor yang kebanyakan di tanahair kita.

4.10 *ptg.*

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Akta Perubatan (Pindaan) 1976. Saya ingin bercakap tentang keperluan mengambil pegawai perubatan dari luar negeri seperti Korea, India, Indonesia untuk memperbaiki keadaan kekurangan pegawai perubatan di negara kita. Walaupun pegawai perubatan asing itu mempunyai kelayakan perubatan yang dikehendaki untuk menjalankan amalan, ada beberapa pegawai perubatan itu tidak boleh memahami atau bertutur dalam Bahasa Malaysia dan seorang atau dua yang saya telah temui tidak boleh pun bertutur dalam bahasa Inggeris. Bagaimanakah pegawai perubatan itu boleh menghubungi pesakit-pesakit? Mereka hanya bergantung kepada jururawat-jururawat dan apabila kurang memahami, pegawai perubatan itu untuk mengelakkan kesalahan hanya memberi ubat biasa seperti panadol, aspirin dan aspro.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan perubatan British juga mengambil beribu-ribu pegawai perubatan dari luar negeri dan mereka juga menghadapi masalah bahasa. Untuk mengatasinya pihak berkuasa perubatan British telah menerbitkan risalah untuk mengurangkan perbezaan di antara bercakap dan bertulis dalam bahasa Inggeris. Di dalam negara kita yang terdapat berbilang kaum yang bercakap berbagai bahasa dan loghat, mungkin sangatlah susah jika mengharap pegawai perubatan dari luar negeri memahami segala jenis bahasa, tetapi mereka sekurang-kurangnya mesti memahami bahasa yang mudah (simple). Jadi, saya mencadangkan bahawa sesiapa yang datang ke negara kita buat kali pertama dan tidak mengetahui bahasa kita patutlah diberi pelajaran asas dalam Bahasa Malaysia sebelum mereka boleh bertugas di rumah sakit di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan kerana dikehendaki membuat Fasal bagi melanjutkan tempoh perkhidmatan pegawai perubatan yang baru mendapat kelayakan. Walau bagaimanapun, ini memang kurang adil kalau hanya pegawai perubatan yang baru disuruh berkhidmat bagi memenuhi keperluan negara dan tempoh perkhidmatannya lebih lama pula, melanjutkan tempoh perkhidmatan dari "dua" tahun kepada "tiga" tahun. Oleh sebab iu, saya cadangkan supaya Kerajaan mesti juga meminta pertolongan daripada semua pegawai perubatan yang terdiri dari kalangan swasta. Saya telah bercakap kepada beberapa orang pegawai perubatan yang menyatakan kesudian mereka berkhidmat di rumah sakit selama beberapa jam seminggu, jika mereka diminta. Kalau semua pegawai perubatan kita dalam kalangan swasta sudi tampil ke hadapan untuk menolong perkhidmatan pegawai perubatan yang baru tidak perlu dilanjutkan. Salah satu daripada langkah yang lain pula mengubah tanggagaji pegawai perubatan Kerajaan supaya gaji yang lebih lumayan dan bukan undang-undang yang menjadi daya penarik menahan mereka berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan.

4.14 *ptg.*

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Perubatan (Pindaan) 1976 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ini memang ramai doktor, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Seremban, Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan lain-lain tetapi di dalam begitu ramai doktor di dalam negara kita tetapi sehingga sekarang di dalam Dewan ini kita bercakap tentang kekurangan doktor di dalam perkhidmatan Kerajaan. Doktor yang begitu ramai dalam negara kita ini terbahagi kepada dua kumpulan. Pertama doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan, dengan Kementerian Kesihatan. Yang kedua doktor yang berkhidmat dengan swasta. Oleh sebab saya katakan ramai doktor dalam negara kita ini selain daripada doktor yang berkhidmat bersendirian dan dengan Kerajaan, ada pula doktor yang dibawa masuk dari negara lain berkhidmat dalam negara kita. Misalnya, di dalam daerah Larut-Matang sendiri jika

dibandingkan dengan doktor yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dengan doktor yang berkhidmat dengan cara sendiri boleh dikatakan hampir sama ramai yang ada di kawasan tersebut, tetapi masih lagi, kita menyebut doktor di dalam negara kita tidak mencukupi walaupun kita telah bawa masuk ramai doktor dari luar negeri. Saya pernah berjumpa dengan seorang doktor yang datang daripada luar negeri, saya bertanya bagaimanakah perkhidmatan atau layanan yang diberi oleh pihak Kerajaan dan Kementerian Kesihatan kepadanya semasa bertugas di negara kita ini. Ia dengan mudah sahaja menjawab: perkhidmatan atau layanan di negara kita ini lebih baik daripada yang mereka sangka sendiri.

Jadi, saya tidak tahu bagaimanakah ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan perkhidmatan ataupun layanan yang diberi oleh Kerajaan kepada doktor di negara kita sendiri tidak begitu memuaskan, walaupun ada doktor daripada luar negeri berkata cukup memuaskan sehingga setakat ini. Saya tidak mahu menyebut atau mempersoalkan mengapa keadaan ini terjadi begitu, perkara itu terpulanglah kepada hal masing-masing, adakah ia suka berkhidmat dengan Kerajaan ataupun bukan Kerajaan. Oleh kerana di dalam negara kita seperti mana saya kata awal tadi ada dua cara perkhidmatan doktor, pertama perkhidmatan dengan Kerajaan, kedua perkhidmatan dengan cara sendiri dan di dalam perkhidmatan Kerajaan kurang doktor sehingga hari ini membuktikan kerana Kerajaan kita masih mengambil doktor daripada luar negeri. Pada pendapat saya barangkali cara perkhidmatan doktor bukan Kerajaan lebih baik pendapatannya daripada cara berkhidmatan dengan Kerajaan. Kalau ini dijadikan persoalan, bekerja ataupun menjawab jawatan yang lebih banyak mementingkan pendapatan yang lebih banyak, maka saya percaya bukan sahaja di dalam perkhidmatan ini bahkan ada lagi perkhidmatan lain, Tuan Yang di-Pertua, yang pegawai-pegawai yang berkenaan meninggalkan jawatan Kerajaan untuk menjawab jawatan-jawatan yang lain. Ini kerana mereka ingin kepada keadaan hidup yang seperti itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan doktor ini lain daripada yang lain, kerana adalah menjadi kewajipan kepada mereka menyelamatkan rakyat keseluruhannya yang mendapat penyakit dan sebagainya dan kepada mereka

ini sahajalah yang diharapkan supaya dapat mereka menyelamatkan rakyat yang ditimpa kemalangan, sakit seperti yang saya katakan tadi. Jadi, oleh sebab itulah, maka Akta Perubatan (Pindaan) 1976 ini saya percaya telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya mencari jalan bagi mengatasi supaya doktor di dalam negara kita sendiri dapat berkhidmat dengan Kerajaan lebih panjang masa sebelum mereka ini meninggalkan jawatan daripada Kerajaan menjadi doktor sendiri.

Di dalam Fasal-fasal 5 dan 6 seksyen 40 dan seksyen 41 yang menyatakan perkhidmatan dari "dua" tahun menjadi "tiga" tahun. Ini pada pendapat saya kerana di dalam negara kita ini sungguhpun doktor ramai di bawa daripada luar negeri, tetapi masih dianggap kurang doktor di dalam negara kita. Jika doktor-doktor di dalam negara kita tidak tolong membantu berkhidmat dengan Kerajaan tiadalah jalan lain lagi, melainkan Kerajaan terpaksa bawa lebih ramai doktor daripada luar negeri padahal di dalam negara ini sendiri sudah ramai doktor.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya biasa mendapat rungutan rakyat mengatakan mereka tidak mendapat layanan yang sebaik-baiknya daripada doktor-doktor ini dan sebagaimana yang saya katakan tadi oleh kerana kekurangan yang ada di dalam negara kita. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh satu lagi, di dalam kawasan Matang kawasan saya. Di dalam kawasan saya ada penduduk seramai lebih kurang 100,000 orang dan di dalam kawasan saya hanya ada 4 Pusat Kesihatan Kecil sahaja. Empat Pusat Kesihatan Kecil ini ada seorang doktor melawat daripada sebuah Pusat ke sebuah Pusat mengikut giliran seminggu sekali. Bila perkara ini telah dibawa kepada Kementerian yang berkenaan, jawapan yang diberi ialah kerana kekurangan doktor. Kalau ini ada, saya percaya di kawasan-kawasan lain pun begitu juga.

Di dalam Fasal-fasal 5 dan 6 Yang Berhormat Menteri meminta supaya perkhidmatan selama "dua" tahun bagi doktor muda dijadikan "tiga" tahun, saya nampak telah mendapat tentangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban, Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana mereka tidak puashati di atas layanan Kerajaan. Jika sekiranya apa yang dikemukakan oleh Yang

Berhormat Menteri ini mendapat tentang dan meminta supaya Kerajaan melayan doktor ini lebih istimewa daripada perkhidmatan yang lain, saya percaya semakin ramai lagi kurang doktor di negara kita sendiri daripada anak negeri kita ini. Untuk mengelakkan ini, Yang Berhormat Menteri mencadangkan hanya "tiga" tahun, tetapi oleh kerana di dalam pengalaman saya sebagai seorang rakyat yang di kawasan saya hanya ada seorang doktor, saya nampak bukan sahaja tiga tahun, sepatutnya doktor daripada negara ini berkhidmat dengan Kerajaan, berkhidmat dengan bangsanya, bukan sahaja tiga tahun tetapi saya mencadangkan lima tahun. Apabila doktor ini sudah berkhidmat selama lima tahun dan mereka ini jika didapati lebih sayang lagi kepada negara dan saya percaya layanan yang telah diberi oleh Kerajaan dengan baik, kemungkinan mereka akan kekal dengan jawatan doktor di dalam perkhidmatan Kerajaan sepertimana doktor-doktor lain juga yang ada berkhidmat dengan Kerajaan sehingga tempoh umur 55 tahun. Saya belum pernah menyoal kepada doktor-doktor yang telah berkhidmat dengan Kerajaan sehingga cukup tempuhnya, tetapi saya percaya boleh jadi oleh sebab apabila sahaja mereka telah lepas daripada had dua tahun pada masa dahulu, mereka terasa bagaimana faedahnya mereka berkhidmat dengan Kerajaan dan mereka terus kekalkan dengan jawatan itu sehingga pada masa sekarang.

Oleh itu, saya merayu kepada bakal-bakal doktor supaya dapat mengkaji apakah perkhidmatan kita kepada Kerajaan ini sebenar-benarnya rugi ataupun memberi faedah kepada negara dan supaya Kerajaan tidak lagi mengambil doktor luar sepertimana kata Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson tadi mengatakan doktor daripada luar ini menjadi masalah di kawasannya oleh kerana ia tidak bertutur di dalam Bahasa Inggeris dan oleh kerana ia tidak tahu bertutur di dalam Bahasa Kebangsaan maka ubat-ubatnya diberi dengan cara yang silap. Jadi, tidaklah patut di dalam negara kita yang begitu ramai doktor, tiba-tiba Kementerian Kesihatan biasanya menyebut masih kurang lagi sehingga sekarang, ini kerana perkhidmatan begitu cepat oleh anak negeri sendiri apabila mereka berkhidmat dalam tempoh dua tahun sahaja. Mereka dengan begitu mudah seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu

mengatakan "Selamat Tinggal" kepada Kerajaan oleh kerana membuka perniagaan sendiri supaya mendapat faedah yang lebih besar lagi daripada yang diberi oleh pihak Kerajaan. Kalau inilah caranya dan tidak dapat dikawal betul-betul oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, saya percaya keadaan doktor di dalam negara kita ini menjadi masalah juga kepada kita padahal perkara ini tidak patut menjadi masalah di dalam negara kita sendiri.

4.29 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Kesihatan dan di samping itu saya akan bercakap dua tiga perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak membangkitkan soal perkauman, tetapi bila saya tengok soal doktor, soal pertama saya amatlah sedih kerana masalah kekurangan doktor ada dua, Tuan Yang di-Pertua. Satu, kekurangan doktor dan yang kedua, kekurangan doktor terdiri daripada bumiputra khasnya orang Melayu. Bila dikaji di sini saya amatlah hairan kalaulah hendak dikatakan orang-orang Melayu ataupun bumiputra tidak mahu berkhidmat kepada negara, saya berfikir alasan ini tidaklah tepat, bukanlah mereka ini tidak mahu berkhidmat bahkan kadang-kadang anggota sebagaimana darah dalam badan mereka sendiri pun, mereka sanggup berkhidmat, sebagaimana dalam soal-jawab pada petang semalam, jumlah bumiputra yang menderma darah berjumlah 25,095 orang kalau dibandingkan dengan semua bangsa yang ada dalam negara kita ialah 5,569 orang sahaja. Tetapi bila dikaji kepada doktor, saya lihat doktor sudahlah kurang, tetapi bila dikaji dengan doktor bumiputra amat menyedihkan. Setahu saya dalam Dewan kita ini pun tidak ada langsung doktor-doktor yang terdiri daripada bumiputra, kalau ada pun dua orang saja bagi pihak Kerajaan, kalau dikatakan persendirian seorang pun tidak ada.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan mencari daya usaha yang utama untuk membanyakkan doktor-doktor yang kekurangan ini. Satu daripada jalannya, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, kita hendaklah beri latihan kepada Pembantu-pembantu Hospital yang ada di

hospital-hospital pada hari ini. Walaupun mereka ini tidak masuk ke universiti dan sebagainya, sesudah mereka ada latihan, mereka ini dibolehkan mengikuti kursus kedoktoran yang patut diadakan khas oleh Kementerian yang berkenaan.

Sebagaimana kita tengok, kebanyakan orang-orang yang lulus daripada universiti; ada setengahnya terdiri daripada pekerja-pekerja, daripada buruh-buruh, kadang-kadang daripada cikgu. Dan ada yang tidak ada pernah memegang jawatan langsung, tetapi dia tekun belajar dia terus mendapat kelulusan universiti. Apatah lagi kepada Pembantu Hospital yang walaupun mereka ini tidak ada pelajaran akademik tetapi dari segi amalan mereka kadang-kadang mereka ini lebih dipercayai daripada doktor-doktor yang ada berkelulusan. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah Kementerian yang berkenaan mengadakan satu kursus khas yang boleh memberi ijazah atau degree kepada Pembantu Hospital itu. Kebanyakannya saya perhatikan, ialah orang Melayu. Saya bukanlah hendak membangkitkan perkauman di sini. Tetapi sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat dari Teluk Anson tadi bila hendak diperiksa, hamba Allah yang hendak memeriksa tadi tidak faham percakapan pesakit yang hendak diperiksa. Apabila dia kata ke utara, yang hamba Allah ini tul's ke selatan, kadang-kadang ubat ini tidak begitu mujarab.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi layanan. Kebanyakan doktor-doktor lari meninggalkan jawatan untuk membuka klinik persendirian kerana mendapat banyak keuntungan. Saya tidak menafikan, Tuan Yang di-Pertua, saya biasa tanya seorang doktor; berapakah ramai pesakit sehari, tuan doktor? Katanya, pukul rata dalam 120 orang yang telah datang. Saya dapat tahu dia mengenakan bayaran \$5 seorang pukul rata. Jumlah pendapatannya tidak kurang daripada \$600 sehari. Jadi, kalau dapat sehari \$500 atau \$600; atau kita pukul rata satu hari \$300 bererti sebulan tidak kurang \$9,000. Kalau gajinya dalam Kementerian Kesihatan yang tidak lebih daripada \$2,000 tentulah manusia ini hendak kejar wang; tidak kira doktor, siapa pun semacam. Di mana ada tempat wang banyak di situlah dia pergi. Masaalah ini tentulah mendatangkan kesusahan kepada Kementerian yang berkenaan dan menjadi kesusahan kepada negara. Dengan sebab itu, sebagaimana yang

saya katakan tadi, patutlah dicari doktor itu dengan banyak. Sebab yang banyak sangat doktor membuka klinik persendirian kerana pendapatan doktor persendirian ini adalah begitu banyak.

Yang ketiga, doktor persendirian patutlah dicontohi oleh doktor-doktor yang ada dalam Kementerian Kesihatan khususnya di hospital-hospital. Saya dapati layanan doktor di hospital amatlah berlainan. Saya biasa bercakap dalam Dewan ini. Saya tidak menafikan perkara ini.

Salah satu daripada ubat yang mujarab ialah sikap yang lemah lembut. Di mana sahaja kita pergi, doktor persendirian ini periksa kita dengan sopan santun dan dengan mulut yang manis. Itu adalah agak saya sebahagian daripada ubat sebelum dia makan ubat. Kalau kita pergi mendapat rawatan di hospital, sudahlah dia tidak layan kita, kadang-kadang dia tidak tanya apa kita sakit. Apa yang saya katakan ini adalah saya rasai sendiri. Bila dia tanya sakit apa? Saya kata, sakit kepala atau senak. Dia tidak pegang perut, dia beri ubat senak. Jadi, saya fikir kalau beginilah caranya, macamlah saya beli ubat di kedai. Bila tanya sakit apa? Saya kata, saya senak, dia beri ubat senak.

Dengan sebab itu, saya perhatikan, kadang-kadang hospital kita ini dijadikan satu tempat orang-orang yang tidak berupaya hendak mendapat wang untuk berubat. Kalau dia ada wang dia tidak pergi ke hospital. Kita sendiri, Tuan Yang di-Pertua, bersyukur dengan kehendak Tuhan, kita ini jadi Member of Parliament, sepertimana juga pegawai-pegawai Kerajaan diberi keistimewaan. Boleh masuk dulu daripada orang kampung walaupun mereka datang dulu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat tolong tumpukan perbincangan ini terhadap pindaan-pindaan yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, ini pun fasal doktor, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Saya sokong, tetapi saya minta boleh diawasi oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan semua atau sebarang hal berkenaan doktor boleh dicakapkan di dalam Rang Undang-undang ini. Jadi, yang pentingnya berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong pindaan ini. Sebagaimana yang saya katakan tadi tempoh perkhidmatan dilanjutkan daripada “dua” ke “tiga” atau lima tahun sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang. Saya berharap apa yang saya katakan ini patut diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan moga-moga masalah ini dapat diatasi iaitu membanyakkan doktor-doktor. Kalau kita tidak membanyakkan doktor-doktor walaupun kita had daripada lima tahun atau enam tahun, mereka akan sabotaj kata orang sekarang, kerana dia tidak boleh hendak keluar. Dia tidak periksa pesakit itu, maka orang yang sakit ini jadi mangsa. Jadi, dengan sebab itulah saya berpendapat haruslah diperbanyakkan bilangan doktor dengan apa cara sekalipun.

4.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak berniat mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) ini. Tetapi apabila saya dengar ucapan-ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang menerangkan sebab-musabab dikemukakan Rang Undang-undang ini; dan apabila saya baca dengan teliti tadi Rang Undang-undang ini; saya rasa saya terpaksa ambil bahagian. Oleh kerana apa yang nampaknya satu Rang Undang-undang yang sangat straightforward, pendek; yang sebenarnya terkandung prinsip-prinsip yang sangat mustahak dan yang mengakibatkan consequences yang amat serious.

Yang pertama, saya mahu sebut mengenai cadangan menambah atau mewajibkan seorang doktor yang berkhidmat daripada dua tahun kepada satu masa tidak kurang daripada tiga tahun. Tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat dari Matang mencadangkan bahawa tempoh ini sebenarnya mesti ditambah lagi sampai lima tahun. Nampaknya beliau tidak membaca Rang Undang-undang ini.

Yang sebenarnya, peraturan-peraturan ini membolehkan seorang doktor diwajibkan berkhidmat bukan sahaja tiga tahun, lima tahun, 10 tahun, 20 tahun oleh kerana perkataan di sini ialah “tidak kurang daripada tiga tahun”. Boleh 30 tahun. Kenapa kita adakan satu Rang Undang-undang di sini di mana kita memberi satu blank cheque

kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini yang boleh menyekat doktor-doktor begitu panjang. Mengapa tidak dikatakan tiga tahun. Jikalau hendak tiga tahun katakan tiga tahun. Kenapa kata tidak kurang daripada tiga tahun. Itu sangat merbahaya oleh kerana jikalau seronok sesiapa yang jadi Menteri Kesihatan boleh menetapkan 10 tahun. Tidak payah lagi perkara ini disampaikan kepada Dewan Rakyat, Dewan yang mulia ini. Saya harap sekiranya pihak Kementerian tidak mahu menimbulkan rasa ketakutan dan kebimbangan di kalangan doktor-doktor lebih baik dalam Peringkat Jawatankuasa, satu pindaan dibuat di mana tempoh tepat dikemukakan. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini ialah satu Rang Undang-undang yang gagal (failure) bagi Kementerian Kesihatan khususnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjalankan tugasnya. Kenapa saya kata begitu? Apabila Rang Undang-undang principle yang dikemukakan di Dewan ini pada 28hb Julai, 1971 oleh bekas Menteri Kesihatan, Dewan ini diberitahu bahawa Rang Undang-undang yang mengenakan tempoh dua tahun perkhidmatan yang diwajibkan untuk seorang doktor ialah untuk mengatasi kekurangan doktor. Dan dengan izin, saya petekkan satu paragraph di sini dalam bahasa Inggeris.

“The shortage of doctors has posed a problem to Government for a long time and unless this problem was overcome, the implementation of the medical and health programmes would be greatly hampered particularly in our Second Malaysia Plan which this House has unanimously approved.”

Baharulah masa itu Rancangan Malaysia Kedua diluluskan.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Buku Rancangan Malaysia Ketiga yang tebalnya 500 muka, baharu dibentangkan di sini. Satu Rang Undang-undang untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor pada awal Rancangan Malaysia Kedua sampai akhirnya masih tidak cukup. Mahu dipanjangkan lagi dari 2 tahun kepada tiga tahun. Itu menunjukkan kegagalan, kegagalan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor yang membolehkan satu perkhidmatan perbuatan yang sempurna yang sebaik-baiknya untuk dinikmati

semua rakyat Malaysia. Sekiranya amalan itu dijalankan, dan kita ada lagi rancangan lima tahun iaitu Rancangan Malaysia Keempat, maka sebelum itu pula ada satu lagi Rang Undang-undang pindaan untuk menambahkan lagi tempoh perkhidmatan doktor selama lima tahun lagi tidak cukup. Sekarang perkhidmatan doktor selama lima tahun. Apa gunanya Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga? Sebelum kita bahaskan Rancangan Malaysia Ketiga, kita mestilah dapatkan bukti bahawa rancangan-rancangan Kerajaan gagal. Sebab itu, saya katakan bahawa ini adalah bill of failure, bill of defeat. Oleh kerana apabila Rang Undang-undang Perubatan itu dikemuka dan diluluskan, itulah satu formula mengatasi kekurangan doktor. Kenapa, Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak boleh diatasi?

Kita semua tahu tahun demi tahun ramai pelajar-pelajar—anak-anak kita yang ada kelayakan, yang ada kebolehan yang mahu menuntut—mahu belajar perubatan untuk menjadi doktor untuk berkhidmat dan untuk membuat sumbangan bagi mengatasi soalan kekurangan doktor di sini, tetapi mereka telah ditutupkan pintu untuk membolehkan mereka mendapat tempat. Jika sekiranya pihak Kerajaan benar-benar mahu mengatasi kekurangan doktor, tentulah satu langkah yang sewajarnya diambil untuk menambahkan tempat-tempat perubatan tetapi bukannya masa akan datang. Masa akan datang tidak datang. Esok selalu esok. Masa lampau-masa dahulu telah berlaku kegagalan yang terbesar.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah doktor-doktor yang ada dalam perkhidmatan meninggal? Kita tahu ada banyak sebab-sebabnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini meninggal mati atau apa?

Tuan Lim Kit Siang: Meninggalkan perkhidmatan, bukan meninggal dunia. Saya minta maaf. Berhenti daripada perkhidmatan. Dan kita tahu sekarang beratus-ratus doktor pergi keluar negeri untuk mendaftarkan diri, barangkali untuk masa hadapan mereka iaitu emigrate keluar negeri. Saya telah berkata, saya tidak bersetuju dan tidak bersimpati dengan doktor-doktor itu. Sungguhpun mereka itu putus asa—hilang harapan buat rancangan untuk berpindah keluar negeri, tetapi tak berguna, makin

mereka itu tidak taat setia dan tidak civic-minded, walaupun begitu kita mestilah mengkaji sebab-sebabnya, ada berlaku perkembangan ini. Kita tidak boleh menutup mata, sebabnya ialah antara mereka yang ada dalam perkhidmatan. Saya tahu ada doktor-doktor bukan semua doktor yang mahu berhenti dengan secepatnya daripada perkhidmatan untuk membuka kelinik persendirian, bukan. Ada doktor-doktor pula yang suka berkhidmat dalam jurusan aliran di mana mereka sudah menjadi doktor, tetapi mereka tidak dapat kepuasan hati dalam pekerjaan mereka, no job satisfaction. Mereka kicked from pillar to post, mereka tidak boleh specialise in. Selalu sahaja mereka itu dihantar untuk membuat kerja yang mereka tidak suka. Dan mereka bukan berharap gaji yang besar atau gaji mereka itu ditambahkan—bukan, tetapi mereka itu mahu lapangan-lapangan yang mereka suka, mahu specialise in, ada peluang, tetapi tidak dapat. Itulah sikap Kementerian Kesihatan tidak mahu bersimpati sungguhpun bercakap besar sahaja iaitu apa-apa masalah kita boleh bincangkan, tetapi sebenarnya frust di kalangan doktor-doktor yang mahu berkhidmat, berlaku, merebak.

Kita tahu, sebab ada demoralisation yang mengakibatkan doktor-doktor berhenti dan keluar daripada perkhidmatan hospital ialah kerana sikap sistem pentadbiran. Doktor-doktor tidak boleh dibenarkan menjalankan tugas mereka tanpa apa-apa gangguan, baik pun daripada pihak atasan ataupun daripada bawah—daripada kakitangan-kakitangan rendah. Ertinya ialah too much interference iaitu terlalu banyak campur politik, bukan sahaja internal hospital politik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi parti politik termasuk politics of race. Doktor-doktor mahu bekerja sahaja, tetapi mereka tidak boleh mendapat satu atmosphere yang tenang—tidak dapat job satisfaction. Semuanya ini tidak mahu dikaji sebab-sebabnya, oh! satu jalan yang mudah, tambah lagi dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun, itu langkah bodoh, bukan langkah yang pandai untuk menengok apakah sebabnya, solve good problems, itu masalah pokoknya. Ini bukan sahaja pengakuan kegagalan, bukan sahaja buat bodoh, tetapi ada akibat-akibat (consequences) lebih banyak frustration di kalangan doktor-doktor. Ada Ahli-ahli mengatakan jikalau doktor menentang ini, tidak taat setia, tidak mahu berkhidmat

kepada negara. Saya bukan seorang doktor, tetapi saya kata jikalau doktor-doktor bersikap kenapa mereka istimewa (picked upon) untuk berkhidmat, kenapa lain-lain profesion tidak dibuat begitu. Itu saya rasa satu sebab yang sangat valid tetapi saya kata sebab itu apa yang mustahak di sini bukan 2 tahun atau 3 tahun, tetapi kegagalan dalam rancangan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sangat menyedihkan hati saya, yang memeranjatkan oleh saya ialah Fasal 4. Mengadakan satu clause baru 34A (2) itulah apa yang luar biasa, dan dengan izin, saya baca peruntukan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila!

Tuan Lim Kit Siang: 4, 34A (2) berbunyi:

“(2) The hospital clinic, health centre, or other institution approved by the Minister under sub-section (1), or the owner or owners thereof, shall not be liable for any injury, loss or damage of a civil nature occasioned to any patient or other person solely in consequence of any investigation, examination or treatment of a patient under sub-section (1) by a person pursuing a course of study in medicine or surgery in a University or University College established in accordance with the provisions of the Universities and University Colleges Act 1971, provided that nothing in this subsection shall be construed as conferring on the person pursuing such course of study, or on the University or University College in which he is pursuing such course of study or any officer or employee of such University or University College, any immunity from any liability for such injury, loss or damage.”

Ertinya ialah apabila seorang penuntut yang mengikuti kursus pengajian perubatan, mahasiswa-mahasiswa dalam aliran perubatan pergi ke sebuah hospital untuk menjalankan practical, sengaja atau tidak sengaja atau apa-apa kecuaihan yang mengakibatkan seorang pesakit cedera, mati atau apa-apa pesakit atau keluarganya tidak boleh mengambil tindakan untuk sue hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ini adalah satu peruntukan yang luar biasa oleh kerana ini ada banyak consequences dan nanti saya akan sebutkan tetapi itu yang luar biasa (very unusual), apa yang baru dan

tentulah kita tunggu Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang mengemukakan Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) ini menjelaskan sebab-sebab kenapa mahukan peruntukan ini. Kita mahu dengar hujah-hujah, ada sebab-sebab yang boleh menunjukkan bahawa ini perlu, tetapi apabila kita baca Huraian (Explanatory Statement) tidak ada apa-apa.

“3. Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan suatu seksyen baru 34A yang akan membolehkan seseorang penuntut perubatan menjalankan, dalam mengikuti pengajiannya, apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan mengenai pesakit-pesakit dalam mana-mana institusi perubatan atau kesihatan yang diluluskan oleh Menteri jika penuntut itu berbuat demikian di bawah kawalan dan penyeliaan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan semasa yang sah”.

Itu dalam peruntukan 34A (1). Itu satu provision baru sungguhpun bukan amalan yang baru. Amalan ini sudah berjalan apabila ada kursus-kursus perubatan dimestikan pelajar-pelajar ada dihantar kepada hospital di bawah penyeliaan (supervision) seorang doktor field practice, practical experience tetapi saya bersetuju, itu peruntukan yang baru mesti disebut, dijelaskan. Tetapi apa yang lebih mustahak ialah 34A (2) yang kecualikan hospital-hospital daripada civil liability, itulah yang sangat mustahak. Bukan sahaja baru dalam peruntukan, baru dalam amalan, barangkali baru dalam prinsip. Tuan Yang di-Pertua, adakah dalam Explanatory Statement? Tidak ada. Saya tidak tahu samada sengaja atau untuk sengaja (mislead)—tipu Dewan ini, sebab

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sabar dahulu! Saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik perkataan “tipu”—saya tidak suka. Perkataan “bohong” tidak apa, saya biarkan tetapi kalau “tipu” tidak bolehlah.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya tidak tipu—untuk bohong Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi perkataan “tipu” saya minta ditarik balik dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tarik balik perkataan “tipu” di peringkat ini. Saya kata “bohong” Ahli-ahli Dewan ini supaya di-harap bahawa Ahli-ahli baca Explanatory Statement, tidak baca text itu—Explanatory Statement sahaja dan perasaan bahawa ada satu langkah bukan sahaja “membohong” tetapi “tipu” Dewan ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya kata jangan ulang bagi perkataan “tipu”.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ikut perasaan. Saya sokong apa yang saya kata.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar, sila duduk dahulu!

Tan Sri Lee Siok Yew: Mengikut peraturan

Tuan Lim Kit Siang: Tahukah peraturan apa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar, saya sedang bercakap. Saya minta Ahli Yang Berhormat jangan lekas naik darah. Tiga hari ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka naik darah sahaja, nanti berjumpa doktor pula. Jadi perkataan “tipu” itu tidak usah digunakan. Yang Berhormat Menteri ada point of order?

Tan Sri Lee Siok Yew: Point of order berkaitan dengan undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar! Yang Berhormat Menteri sedang bercakap, Ahli Yang Berhormat mesti duduk!

Tan Sri Lee Siok Yew: Jika Ahli Yang Berhormat itu sudah main-main seperti budak-budak sahaja, saya langsung tidak mahu jawab apa-apa percakapan daripadanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perkataan “tipu” sahaja yang unparliamentary digunakan. Sila teruskan!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya beri peluang lagi jika ada point of order, sila kemukakan; jangan tidak ada point of order, kata point of order. Bila ditanya, duduk sahaja. Ada point of order?

Saya boleh beri jalan. Saya kata barangkali ini ada satu omission sahaja. Barangkali dalam percetakan (printing) Bil ini ada satu kesilapan tetapi pun tidak boleh oleh kerana bahasa Inggeris pun tidak ada dan Bahasa Malaysia pun tidak ada. Tadi apabila saya dengar ucapan-ucapan Yang Berhormat Menteri apabila membentangkan pindaan Rang Undang-undang (Pindaan) ini beliau tidak sebut kenapa mahu peruntukan 34A (2), itulah bohong benar. Itulah yang mustahak kita mahu dengar apa hujah-hujahnya tetapi beliau mahu sembunyikan. Saya mahu tahu kenapa Yang Berhormat Menteri tidak memberi satu penjelasan yang terbuka. Bila saya baca ini

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya harap bila saya menjawab Ahli Yang Berhormat itu mesti duduk di dalam Dewan ini untuk mendengarnya, jangan keluar daripada Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan point of order. Itu terserah kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Menteri pun tidak tahu point of order malulah. Saya mahu tahu, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak memberi satu sebab, kenapa mahu ada satu peruntukan ini, oleh kerana apabila saya baca Bil ini, saya berpendapat, itu tidak patut, tidak adil, tetapi sebelum saya buat satu keputusan atau kesimpulan secara fikiran yang terbuka, nampaknya tidak ada apa-apa sebab dikemukakan. Yang memaksa saya mendapatkan satu kesimpulan bahawa tidak ada sebab yang bagus, tidak ada sebab yang barangkali baik untuk dikemukakan. Mungkin Ahli-ahli Dewan tidak tengok perenggan itu dan boleh diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ada sebab-sebab yang baik yang saya tidak tahu tetapi nampaknya peruntukan ini sangat berbahaya, sangat tidak patut dan mesti ditarik keluar. Apabila seseorang pesakit pergi ke hospital kerana sakit dan berkehendakan layanan di hospital, dia sudah tentu dipercayai dengan sepenuh hatinya kepada kebolehan, tanggungjawab setiap kakitangan-kakitangan rumah sakit samada doktor yang terlayak atau trainee doctor di bawah supervision doctor yang layak, tetapi di bawah peruntukan ini doktor yang supervise boleh tidak bertanggungjawab terhadap trainee doktor. Adakah ini satu pertunjukan

daripada Kementerian Kesihatan kepada Kementerian Pelajaran kata baik, Kementerian Pelajaran boleh menghantar beramai-ramai dan beratus-ratus pelajar ke hospital-hospital tetapi jikalau ada kecuaiian, ada pesakit-pesakit mati, cedera, awak bertanggungjawab, kita tidak bertanggungjawab. Tidak boleh sue hospital, kelinik, health centre, boleh sue pelajar, boleh sue university. Ini bererti bahawa sekiranya ada berlaku perasaan tidak ada personal relationship, perhubungan persendirian antara supervising staff, doktor penyelia dengan pelajar-pelajar dan subordinate tidak mahu ikut kuasa dan tidak mahu mendengar arahan-arahan, tetapi barangkali mereka ada sedikit sokongan politik di belakang. Supervising doktor boleh putus asa. Apa yang berlaku pada doktor-doktor di hospital-hospital sekarang. Sungguhpun doktor-doktor berada di tempat jawatan yang senior, yang tinggal, mereka tidak boleh control discipline. Sekarang baiklah, tidak boleh discipline, awak boleh buat apa awak mahu buat, awak mengakibatkan kematian atau apa-apa, itu hal awak, bukan hal saya dan bukan hal hospital saya. Betul boleh kata, sungguhpun begitu pesakit-pesakit ada orang sue, boleh sue, bukan kata tidak ada orang atau institusi-institusi di mana boleh sue seperti memohon civil liability, boleh sue pelajar, boleh sue institution. Tetapi yang pertama apa yang mustahak bukan hak boleh sue siapa, tetapi ada peraturan deterrent untuk mencegah berlakunya kecuaiian-kecuaiian di kalangan pelajar-pelajar oleh kerana sekiranya hospital, sekiranya supervising doctor bertanggungjawab boleh disued civil liability. Dia tentulah dengan sendirinya menjaga baik-baik, tidak ada berlaku kecuaiian, oleh kerana dia tidak boleh lari daripada tanggungjawab. Dia boleh diambil tindakan mahkamah. Sekarang tidak boleh diambil ke mahkamah oleh kerana dia tidak boleh disued. Itu yang mustahak yang akan merosakkan bukan sahaja pentadbiran rumah-rumah sakit, tetapi akan mengakibatkan lebih kematian-kematian yang tidak perlu oleh kerana kecuaiian. Apa yang berlaku di Rumah Sakit Melaka, apa yang baru berlaku di Rumah Sakit Pulau Pinang, di mana seorang gadis apabila diberi .9% salt solution, diberi concentrated 50% calcium solution dan mati. Saya mahu Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengetatkan tanggungjawab atau akan memburuk-burukkan keadaan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Point itu sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan berulang-ulang. Point itu betul tetapi berulang-ulang.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak berulang-ulang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bukan berucap, bersyarah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak hendak Yang Berhormat bersyarah—berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah peruntukan ini oleh sebab pihak Kerajaan atau pihak Kementerian jangka di masa hadapan akan ada pelajar-pelajar perubatan yang mutunya akan rendah. Apa malangnya sekarang? Kenapa hendak ditukar? Satu sebabnya barangkali ialah di masa hadapan mutu pelajar-pelajar itu sangat rendah dan Kementerian Kesihatan, institusi-institusi tidak mahu bertanggungjawab. Itulah saya rasa jikalau diluluskan akan menjadikan rakyat jelata lebih tidak percaya kepada sistem-sistem perkhidmatan perubatan. Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa peruntukan ini, lain peruntukan ada dibincang dan dirunding dengan Malaysian Medical Association (M.M.A.), tetapi peruntukan ini dengan senyap-sunyi dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini, tidak dapat penjelasan dalam Explanatory Statement, tidak dapat dijelaskan di dalam ucapannya, tidak dirunding dengan M.M.A. Mengapa? Itu adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Saya ada berkata sebenarnya saya tidak mahu mengambil bahagian, tetapi oleh kerana apa yang saya sebut sangat mustahak akibat consequences yang terlalu serious, saya harap hujah-hujah ini boleh diambil perhatian bukan oleh kerana hendak score point atau hendak take revenge, bila-bila pun dia boleh—peluang, tetapi apa yang mustahak, adakah peruntukan ini baik untuk perkhidmatan perubatan, untuk rakyat jelata, yang lebih mustahak rakyat jelata

tidak kira kaum, oleh kerana orang China, orang Melayu, orang India semua pergi ke hospital. Jikalau ada kecuaian, ia akan terkena kepada semua bangsa samada orang China, orang Melayu, orang India pun mati seperti di rumah sakit (hospital).

5.38 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perubatan, 1971. Saya yakin bahawa tujuan Akta ini ialah untuk membela perkhidmatan perubatan untuk menentukan bahawa hanya mereka yang mempunyai kelayakan yang betul sahaja yang boleh menjalankan kerja-kerja perubatan untuk memastikan rawatan yang baik diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang asal mengandungi institusi-institusi yang telah diluluskan oleh Majlis Perubatan bukanlah begitu mudah sekali untuk mendapat tempat di institusi-institusi ini, maka menjadi perlu untuk menambahkan senarai ini untuk menambahkan lagi dengan kolej-kolej yang lain yang sesuai untuk diiktirafkan. Pada masa-masa yang lampau telah menjadi masala-masalah dalam pendaftaran provisional untuk orang-orang yang telah keluar dari kolej-kolej yang tidak ada dalam senarai-senarai itu. Walau bagaimanapun beratus-ratus doktor yang telah keluar dari kolej-kolej yang bukan disenaraikan. Mereka sedang menjalankan kerja-kerja mereka di negeri ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya dua fakulti perubatan sahaja di dalam negara kita hari ini maka adalah wajar untuk pelajar-pelajar pergi ke negeri luar. Pada masa yang lepas pelajar-pelajar dari kolej-kolej yang tidak disenaraikan telah harus menunggu masa selama 9 bulan untuk mendapatkan kelayakan provisional. Tetapi dengan mengadakan peperiksaan yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini maka peperiksaan itu akan menjadi lebih saksama dengan pelajar-pelajar. Adalah menjadi amalan dalam keadaan-keadaan yang lain di mana badan-badan peperiksaan telah mengadakan syarat-syarat yang tidak adil dan telah mewujudkan satu keadaan yang susah untuk lulus peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menentukan bahawa hanya orang-orang yang lebih berkelayakan dan tinggi calibrenya dan adil diberi tugas untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar yang jujur boleh diberi peluang untuk membolehkan dia ujud.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa apabila satu undang-undang dibuat untuk mengujudkan satu badan untuk peperiksaan seperti ini, kita harus memastikan bahawa semua kolej-kolej yang tidak disenaraikan menjalankan peperiksaan ini dan peperiksaan haruslah dikendalikan dengan adil. Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya menitikberatkan keadilan ialah kerana saya suka bawa perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, satu keadaan yang sukar telahpun ujud Lembaga yang membuat peperiksaan surgeons gigi selalunya menjalankan tugas dengan berat sebelah terhadap kumpulan doktor-doktor dari satu-satu negeri yang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan bahawa badan peperiksaan yang dicadangkan itu tidak akan berlaku bersama-sama. Apa jadi dalam badan peperiksaan Dental Surgeon itu, dalam bahasa Inggeris kita kata: "clique system" dalam badan itu. Siapa yang masuk mendapat lulus daripada badan ini dia tidak dapat lulus jika dia tidak tahu siapa yang menjadi ahli dalam badan ini tidak dapat peluang. Inilah saya suka kemukakan dalam Dewan ini. Bolehkah saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya menubuhkan satu Jawatankuasa Khas atau Yang Berhormat Menteri sendiri menyiasat perkara-perkara di mana doktor-doktor gigi telah menjadi mangsa, yang telah menghadapi peperiksaan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita tidak mengawal keadaan yang timbul seperti hari ini, ini akan menjadi buruk dan mengakibatkan dengan satu penyakit perkauman dalam badan peperiksaan ini, di mana mereka menjadi mangsa. Sukalah saya menegaskan bahawa kebanyakan dari mereka yang keluar dari kolej-kolej yang tidak disenaraikan untuk pergi jauh kawasan-kawasan pedalaman desa untuk bertugas meninggikan taraf kesihatan orang-orang luar bandar, mereka tidak mengatakan bahawa mereka mestilah diberi kerja di

pekan-pekan dan bandar-bandar besar sahaja, tetapi apa yang mereka mahu ialah berkhidmat untuk rakyat.

Akhirnya, saya mengalu-alukan penambahan masa "dua" tahun ini menjadi "tiga" tahun di bawah seksyen-seksyen 40 dan 41.

5.43 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta Perubatan ini.

Saya pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, rasa amat sedih memandangkan ahli-ahli dari parti Pembangkang memperkecil-kecilkan tujuan Kerajaan yang baik, seolah-olah para pentadbir dan pada undangan di dalam Jabatan Kerajaan kita ini tidak mengetahui masaalah selok-belok undang-undang dan seolah-olah mereka menggambarkan yang kita ini parti memerintah Kerajaan hendak menyusahkan orang-ramai dan sebagainya. Kita tidaklah hairan, sebab itulah mereka menjadi parti Pembangkang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting ialah soal pokok iaitu keperluan negara. Kita tahu negara kita pada hari ini dalam keadaan membangun. Dalam keadaan membangun mestilah ada kekurangan dan kekurangan ini mesti ditampung tanggungjawabnya, bukan sahaja daripada pihak Kerajaan, tetapi yang lebih penting ialah daripada orang-ramai. Kita semua sedar pada hari ini kita kekurangan doktor dan doktor inilah sebagai yang mengakui rakyat jelata negeri ini mesti mempunyai perasaan dedikasi dan semangat pengorbanan seperti askar-askar kita. Kalau hendak dibandingkan mereka berkorban, menggadaikan nyawa, tetapi doktor apa yang telah dibentangkan oleh parti Pembangkang ialah masaalah titik-bengek iaitu daripada segi pentadbiran, suatu perkara yang amat kecil yang patutnya di-rundingkan dan boleh dibetulkan dan diubah. Tetapi, mereka ini mengambil kesempatan kerana memandangkan perkhidmatan doktor pada hari ini adalah memainkan satu peranan yang penting dalam pembangunan negara.

Kita semua sedar bahawa profesyen doktor ini adalah satu profesyen noble yang

mulia. Sebab itulah apa sahaja keputusan yang telah diberi oleh seorang doktor atau pakar itu tidak ada lagi soal jawab. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangatlah kepada Kementerian untuk melaksanakan Akta ini supaya keperluan negara dan panggilan rakyat jelata dapat tercapai dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini semua orang mengetahui hasrat Kerajaan untuk memenuhi keperluan negara dan kehendak rakyat. Tengok keadaan pembinaan rumah-rumah sakit, semakin sehari semakin bertambah, kecil menjadi besar, yang lama menjadi baru dan begitu juga kita dapat banyak alat-alat yang moden yang telah Kerajaan kita beri dilengkapkan dalam hospital-hospital kita. Tetapi selalu sahaja alat-alat yang moden tidak mencukupi untuk keperluan negara kalau alat-alat ini tidak dapat dipergunakan oleh rakyat kerana kurang pakar-pakar atau doktor-doktor. Saya menyokong penuh Akta ini iaitu Fasal 5 dan Fasal 6 yang bertujuan untuk meminda seksyen 40 dan seksyen 41 bagi melanjutkan tempoh perkhidmatan perubatan yang diwajibkan bagi maksud negara daripada "dua" tahun kepada "tiga" tahun. Ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tahu doktor-doktor sangat berkurangan, maka demand atau kehendak terhadap mereka itu terlampau tinggi. Mereka ini menyesali keadaan pentadbiran yang lemah, tentu ada sebab-sebabnya. Boleh jadi mereka ini berkehendakkan apa sahaja yang mereka tuntutan, Kerajaan mesti ikut, barulah mereka itu betul, baru Kerajaan ini betul. Tetapi kalau Kerajaan mengadakan undang-undang mementingkan kepentingan orang-ramai layanan Kerajaan sudah tidak betul. Inilah dia yang saya sangat sedih pandangan yang amat buruk dikeluarkan oleh parti Pembangkang di dalam Dewan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu doktor-doktor ini banyak berhenti. Kita kaji sedikit latar belakang sebab mereka berhenti, kerana mereka kebanyakannya suka duduk di dalam bandar supaya social status mereka tercapai. Di dalam perkhidmatan Kerajaan mereka ini terpaksa berkhidmat di luar bandar dan sebagainya. Jadi, yang lebih penting dalam keadaan ini, kita hendaklah menimbangkan kehendak orang-ramai dan kehendak majoriti bukannya kehendak minority. Maka dengan

ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong penuh supaya pindaan Akta ini diluluskan.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Embong bin Yahya: Saya turut menyokong Akta Perubahan 1971 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam pada itu saya suka memberi satu, dua pandangan. Nampaknya Pindaan ini tidak lain dan tidak bukan untuk hendak memperbaiki lagi cara pentadbiran perubatan khususnya mengenai dengan kemerosotan atau pemberhentian ramai doktor-doktor. Saya bersetuju dengan wakil Setapak tadi masalah doktor patutlah Kerajaan kita membaharui cara, syarat-syarat kerja kepada doktor serta memberi satu sikap yang baharu kepada doktor dan patut syorkan kepada doktor supaya doktor-doktor sendiri mempunyai satu sikap baharu seperti orang kampung disuruh mengubah sikap. Mengapa saya kata demikian. Kerana apabila kita memberi scholarship masuk ke universiti jurusan perubatan dan mereka hanya menunggu dua tahun atau tiga tahun sahaja berkhidmat dengan Kerajaan, maka mereka akan cabut dan berhenti untuk mencari faedah diri yang lebih penting kerana faedah kewangan. Jadi kalau setiap doktor memikir bahawa hidupnya semata-mata hendakkan kaya cepat dengan tidak memikirkan masalah negara dan tidak memikirkan masalah rakyat di kampung-kampung maka akibatnya berapa kali pun kita pinda Undang-undang tidak akan boleh selesai. Dan sepatutnya syarat masuk kerja atau masuk universiti jurusan perubatan ini dikaji semula syarat-syarat kepada penuntut-penuntut kita. Adakah mereka apabila keluar dari universiti akan berkhidmat di luar bandar atau tidak?

Nampaknya doktor-doktor kita apabila keluar daripada universiti menjadi satu momok hendak pergi keluar bandar, padahal luar bandar pun negara Malaysia dan di luar bandarlah yang menderita berkenaan dengan perubatan, 20,000 - 30,000 orang hanya ada satu doktor. Dan apabila disuruh atau diperintahkan oleh Kerajaan pergi berpindah keluar bandar, surat perletakan

jawatan akan sampai. Dan Kerajaan terpaksa membenarkan oleh sebab tempoh tiga tahun sudah habis, atau tempoh dua tahun sudah habis dan begitu juga terjadi kepada doktor demi doktor. Jadi sampai bila kita dapat selesaikan masalah pemberhentian doktor kita, kalau kita tidak tegas. Kerajaan mesti bertegas kepada penuntut-penuntut yang hendak mengambil perubatan. Satu daripada syarat kerja, bukan dua tahun atau tiga tahun, mereka kena berkhidmat kepada Kerajaan bahkan berbelas-belas tahun memandangkan kehendak rakyat, kehendak negara dan mereka kena berkhidmat bukan sahaja dalam bandar, mesti juga pergi keluar bandar. Kalau tidak siapa yang hendak jadi doktor di luar bandar? Hari ini doktor di luar bandar kebanyakannya doktor yang kita ambil daripada luar negeri, Indonesia, Pakistan, Mesir, mereka bertugas nampaknya lebih taat setia daripada rakyat yang kita beri scholarship masuk universiti mengambil ilmu kedokteran. Rakyat kita sendiri tidak mahu pergi. Kita malu rakyat daripada beribu-ribu batu jauhnya datang berkhidmat di luar bandar dengan orang kampung kita tetapi rakyat kita sendiri yang kita beri scholarship masuk universiti tidak mahu pergi ke sana. Ini dapat dibaiki dengan syarat perkhidmatan-perkhidmatan itu dibaiki oleh Kerajaan.

Oleh itu, kajilah juga mengapa doktor itu berhenti. Kadang-kadang dengan sebab satu perkara kecil, kadang-kadang disebabkan perkara pertukaran. Setengah doktor, dia tulis surat berhenti, kerana dia ditukarkan dan tidak mahu pergi. Tetapi setengahnya dia minta: "biarlah saya di tempat itu lama sedikit, kerana hendak melihat kejayaan pengalaman saya di situ, dan kerja saya yang nampaknya akan terbukti pada orang-ramai atau satu-satu projek yang saya buat biarlah saya kekal di situ." Tetapi tidak boleh diberi tolak ansur oleh pihak pentadbiran dari Kuala Lumpur, mesti juga bertukar. Kalau tidak mahu bertukar resign. Telah berlaku di tempat saya di Tangkak seorang doktor dia minta jangan ditukarkan dengan sebab Poly Clinic yang dibuat itu dia hendak tengok hasil daripada usahanya supaya dia dapat berkhidmat, bukan dia mahu lari, dia mahu berkhidmat tetapi tidak dapat hendak memberi tolak ansur, jangan bertukar. Terpaksa dia tulis surat untuk berhenti (resign). Dia seorang doktor muda yang sangat baik dan disayangi oleh rakyat. Apa nasib negara kita

kalau doktor demi doktor terjadi macam ini? Dengan sebab itu Kerajaan mestilah sedar bahawa doktor mestilah dianggap sebagai satu kerja yang jadi berhubung dengan kenegaraan, bukanlah kita suruh rakyat miskin ubah sikap untuk kenegaraan, orang kampung ubah sikap untuk kenegaraan, petani-petani disuruh ubah sikap, nelayan disuruh ubah sikap. Tetapi doktor orang bijak pandai yang menjadi harapan negara, yang kesihatan rakyat tergantung kepadanya tidak pernah hendak suruh ubah sikap. Hanya menunggu kerja dua tahun dan buka Klinik Private. Kita tidak melarang, tetapi kalau dengan cara macam inilah sikap doktor kita, siapa hendak mengisi dalam hospital Kerajaan? Berapa lama kita boleh ambil doktor dari luar? Inilah yang saya kata tadi patut ada perubahan sikap dalam perkhidmatan perubatan. Kita memuji setengah-setengah doktor memberi perkhidmatan di luar bandar. Tetapi yang saya sebutkan tadi ada doktor yang tidak mahu pergi keluar bandar dengan sebab kononnya tidak ada letrik, tidak ada api, padahal di mana-mana tempat perubatan semua ada kemudahan air dan kemudahan api dan jalan-jalan raya. Klinik-klinik yang besar, Pusat-pusat Kesihatan di luar bandar sudah baik, bukan macam dahulu lagi berjalan di dalam lumpur, boleh masuk motokar, boleh pergi tengok wayang di bandar, tetapi tidak mahu pergi. Seolah-olahnya orang ini memikirkan bahawa dia bukan hak negara. Dianya hak bandar sahaja. "Aku apabila lepas universiti berhak bekerja di bandar sahaja tidak boleh bekerja di luar bandar." Apa nasib kita Wakil Rakyat yang 70%-80% daripada luar bandar, terpekik-peikik minta doktor? Apakah gunanya Pusat Klinik itu dibaharukan, diperbesarkan dari semasa ke semasa, ditambah kalau doktor tidak boleh dihantar dan apabila ditukarkan berlaku perletakan jawatan. Inilah saya minta dikaji sedikit.

Saya menyokong penuh berkenaan dengan Seksyen baru 34A dan saya turut menyesal apa yang dicakapkan oleh Wakil Kota Melaka tadi mengenai dengan Seksyen 34A ini seolah-olah Kerajaan tidak dapat mengawal dan lebih besar katanya Kerajaan berbuat bohong kepada rakyat. Ini satu perkara yang sangat tidak patut, kerana pindaan ini saya rasa sangat patut dibuat oleh Menteri Kesihatan yang hendak memberi peluang kepada bakal-bakal doktor yang sedang

menuntut di universiti pergi ambil praktikal di mana-mana institusi yang sah. Ini sudah patut dibuat kerana kalau seorang penuntut jurusan medical di Universiti, apakah dia itu layak menjadi seorang doktor kalau dia tidak pergi buat praktikal di mana-mana institusi (hospital)? Jadi inilah maksudnya. Oh! dituduhnya sewenang-wenang akan berlaku satu-satu hal kematian. Ini satu perkara yang terlalu, kalau doktor pergi hospital bukan doktor hendak menganiayakan orang, doktor adalah hendak membaikkkan orang. Kalau di antara berpuluh ribu itu berlaku kematian pada satu orang, itu di mana-mana berlaku kemalangan. Bukan sengaja doktor hendak inject, hendak matikan orang.

Dalam Akta ini antara lain mengatakan.

" dengan syarat penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan itu dijalankan oleh orang itu di bawah kawalan dan penyeliaan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan semasa yang sah".

Bukan doktor atau medical student ini pergi terus membuat pemeriksaan dengan sesuka hatinya, dia berlatih di bawah kawalan doktor yang sah. Ini sudah patut dibuat dan patut diberi izin. Dengan sebab itu apa yang dituduh oleh Wakil dari Kota Melaka itu sangat keterlaluan, semata-mata sentiment terhadap Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita, dan merupakan satu cabaran yang dia sendiri tidak boleh selesaikan cabaran itu. Apakah kalau dia jadi Menteri dia mahu medical student tidak berlatih keluar daripada universiti terus masuk ke hospital untuk bekerja dengan tidak ada pengalaman praktikal? Jadi kalau hendak buat praktikal di mana? Mestilah di hospital-hospital, di institusi-institusi atau di tempat-tempat yang disahkan. Kalau dia tidak berlatih bagaimana akan diakui dia sudah lulus sebagai doktor. Beliau juga telah memperkatakan Yang Berhormat Menteri yang membuat pindaan ini bodoh, padahal dia sendiri yang bodoh dan tidak mahu memikirkan masalah negara mengenai kekurangan doktor. Saya memperkatakan dia bodoh adalah disebabkan dia memikirkan senang hendak jadi doktor, keluar daripada universiti terus menjadi doktor dan bekerja di hospital dengan tidak payah membuat praktikal di mana-mana. Kalau berlaku

dalam masa membuat praktikal, misalnya, terjadi satu-satu kemalangan yang tidak dapat dielakkan, ini bukan kesalahan Menteri, ini bukan kesalahan Kerajaan dan juga bukan kesalahan doktor. Ini adalah satu perkara yang terjadi di mana-mana, kadang-kadang kita berjalan di jalanraya tersalah jalan dilanggar motokar. Ini bukan salah Polis dan bukan salah Kerajaan tidak menjaga jalan. Kadang-kadang kita turun tanggapun; kita jatuh bukan salah tangga, dan apabila kita masuk ke hospital doktor beri ubat bukan salah doktor, itu memang disebabkan kita hendak mati.

Wakil Kota Melaka ini pun kalau dia masuk ke hospital sekiranya setelah diberi ubat dia mati, bukanlah salah doktor, itu salah dia hendak mati. Kalau semua perubatan disalahkan doktor, akhirnya lebih baik kita tutup sahaja hospital. Beliau bercakap dengan penuh sentiment dan emosi semata-mata bukan dari sebab-sebab keadilan yang tertulis dalam Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong penuh Seksyen baru 34A itu dan saya berharaplah pandangan saya terhadap perubahan sikap kepada doktor kita sebab kita berkehendakkan jasa baik dan kita berkehendakkan perkhidmatan doktor kita dan kita memandangkan bahawa perkhidmatan doktor itu adalah perkhidmatan yang utama dalam negara kita. Nasib rakyat atau hidup rakyat tidak akan terjamin sihat, dan tidak akan terbela besar kalau sekiranya kita tidak dapat menghantar doktor-doktor kita keluar bandar. Sebagai Wakil Rakyat, saya suka memberitahu inilah yang diminta oleh rakyat siang dan malam yang mengatakan bawalah klinik ke kampung kami, bawalah bidan ke kampung kami dan bawalah pusat-pusat kesihatan ke kampung kami. Kalau kita kata doktor tidak ada, mereka tidak percaya. Mengapa di bandar banyak doktor sehingga berlebih-lebihan? Inilah saya berharap pihak Kementerian atau pihak Yang Berhormat Menteri sendiri akan mengambil perhatian berat dalam perkara ini. Dengan itu, saya menyokong penuh pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.55 *ptg.*

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan oleh saya di Dewan yang mulia pada petang ini ialah satu kajian yang mendalam oleh Kementerian Kesihatan serta juga pakar-pakar yang berkenaan untuk mengadakan satu langkah-langkah yang sesuai dan langkah yang panjang supaya perkhidmatan perubatan dan kesihatan serta pergigian akan terus-menerus memuaskan lagi daripada kawasan bandar ke kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seperti ini adalah perlu untuk menambahkan bilangan doktor-doktor yang mahir bukan sahaja di dalam perkhidmatan Kerajaan tetapi di sektor swasta juga. Satu pengkajian telahpun diambil oleh Kementerian saya seperti apa yang saya sebutkan tadi iaitu pada tahun 1975 kita mengadakan bilangan doktor berkhidmat dengan Kerajaan serta yang berkhidmat dengan swasta berjumlah 2,533 orang.

Pada tahun 1980 oleh kerana bertambahnya kanak-kanak kita atau bayi-bayi yang lahir tiap-tiap hari, Kerajaan atau negara kita memerlukan 3,954 orang doktor.

Pada tahun 1985 negara kita memerlukan bilangan doktor-doktor dan pakar-pakar dan sebagainya sekurang-kurangnya 5,825 orang. Ini bermakna memberi perkhidmatan perubatan kesihatan kepada semua lapisan rakyat yang duduk di dalam negara kita Malaysia. Dengan rancangan ini bilangan doktor dengan ratio population dalam tahun 1975 ialah seorang doktor untuk 3,970 orang penduduk.

Bagi tahun 1980 kami berharap dapat mengadakan seorang doktor untuk 2,912 orang, dan pada tahun 1985 diharapkan juga seorang doktor untuk 2,254 orang penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini ialah oleh kerana sebab-sebab yang telah disebutkan oleh saya tadi serta juga Akta ini telah ditetapkan atau diluluskan pada tahun 1971, kita juga akan mengkaji (to review) dalam masa 5 tahun akan datang. Jadi, pada tahun ini adalah tahun yang akhir, Kementerian ini juga perlu review samada Akta ini akan dijalankan terus atau ditambah dan diubah. Dengan tujuan ini Akta itu dikemukakan oleh Dewan yang mulia ini untuk review atau dibuat cadangan kepada Kementerian saya.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab bukan untuk mendapatkan popularity sendiri tetapi ingin melihat pada masa yang akan datang tiap-tiap warganegara kita samada di bandar atau di kawasan luar bandar mempunyai tubuh badan yang sihat. Kesihatan dan tubuh badan ada berkaitan di antara satu sama lain. Kita tidak boleh biarkan sahaja untuk mencapai popularity sendiri dalam suasana politik, tetapi kita mesti bertanggungjawab dan membuat apa-apa keputusan yang sesuai untuk faedah rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor ini bukan sahaja boleh diselesaikan pada hari ini. Belum ada lagi sebuah negara yang boleh dikatakan bilangan doktor mereka telah mencukupi, misalnya, di Australia yang mempunyai 14 juta penduduk mereka ada 20,800 doktor dan doktor-doktor pakar. Mereka itu belum lagi berpuas hati walaupun sekolah perubatan telah bertambah. Ada negeri-negeri yang cukup maju mengadakan dasarnya iaitu bagi tiap-tiap dua juta penduduk mesti ditubuhkan sebuah fakulti perubatan, misalnya, United Kingdom. Akan tetapi Malaysia kita ini sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan, kita sudah menambah sekolah perubatan dengan mengadakan Universiti Malaya 10 tahun yang lalu dan pada tahun 1973 sebuah Universiti Kebangsaan dengan Fakulti Perubatan. Kita harap pada masa akan datang jika keadaan kewangan membenarkan kita untuk menubuhkan sebuah universiti lagi, maka Kerajaan kita akan mengambil perhatian dengan menubuhkan lebih banyak lagi Fakulti Perubatan untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong penuh Akta Perubatan (Pindaan) pada hari ini supaya doktor di negara kita bertambah bilangannya, serta juga doktor-doktor muda itu mendapat pengalaman yang lebih sebelum mereka keluar daripada perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini kita mempunyai dua orang Ahli Yang Berhormat yang mempunyai ijazah doktor perubatan. Sebagai doktor mereka tentu faham langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan mereka juga faham berapa banyak perbelanjaan perlu diberi untuk penuntut perubatan. Misalnya, di Universiti

Malaya, Fakulti Perubatan sebagai sebuah pertubuhan yang disokong oleh Kerajaan dengan perbelanjaan yang besar. Sungguhpun penuntut itu adalah private students, tetapi perbelanjaannya daripada Kerajaan atau melalui Kerajaan daripada tax-payers terpaksa membantu \$11,000 setahun untuk seorang penuntut yang belajar perubatan di universiti itu—\$11,000 setahun. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tentulah rakyat ada hak juga merayu kepada doktor-doktor itu untuk berkhidmat kepada rakyat. Juga Kerajaan kita yang telah mendapat mandat daripada rakyat, dengan itu tugas Kerajaan adalah untuk melaksanakan hasrat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa tahun Yang Berhormat, Kerajaan memberi bantuan \$11,000 setahun. Berapa lama kursus itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Lima tahun. Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah tiba masanya bahawa kita tidak boleh mengadakan satu dasar dengan berfikir singkat sahaja atau mengadakan satu dasar untuk menarik pengundi sahaja. Kita sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, bukan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya bersimpati kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka oleh kerana sebagai seorang Pembangkang sentiasa terpaksa membangkang sahaja, membangkang Kerajaan. Apa Kerajaan buat yang sudah cukup baik, pihak Pembangkang itu tugasnya mengatakan tidak baik semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang itu benar-benar bertanggungjawab, jika fikiran otaknya tak salah, mental health tidak ada bersalah, sungguhpun seorang Pembangkang akan memberikan constructive criticism, yang menghargai bukan sahaja kepada Dewan yang mulia ini tetapi juga

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order—36 (6) “No member shall impute improper motives to any other member.” Dia impute bahawa saya tidak mentally stable.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Itu bukan impute apa-apa. Menteri kata kalau otak itu baik akan beri constructive criticism. Itu sahaja. Sila duduk.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya tidak boleh terima atau mengikut apa yang disebutkan oleh Ahli dari Kota Melaka. Saya tidak mahu buat satu statement yang emotional, satu statement menuduh seorang ahli politik oleh kerana menentang Kerajaan. Jika saya hendak berbuat demikian, saya juga boleh membuat suatu tuduhan kepada beliau, tetapi ini saya fikir akan membuang masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Betul!

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka barangkali tidak faham apakah maksud Rang Undang-undang yang disebutkan oleh beliau tadi. Dalam Seksyen baru 34A pindaan ini ialah bukan kita mengelakan atau menolak hak pesakit-pesakit tidak boleh claim apa-apa kepada Kerajaan jika ada pegawai atau doktor melakukan kecuai atau kesalahan dan sebagai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita khasnya Kementerian Kesihatan bertanggungjawab kepada kakitangan-kakitangan yang berkhidmat sahaja. Penuntut-penuntut itu sedang belajar di fakulti-fakulti perubatan adalah bertanggungjawab kepada fakulti yang berkenaan. Jadi dalam seksyen 34A (2) ini diterangkan dengan cukup jelas, cukup bersih, tidak ada apa-apa motif atau "try to run away" daripada tanggungjawab kita seperti tuduhan yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada pihak sebelah sana. Ahli Yang Berhormat itu tidak membaca langsung Akta ini dengan telitinya sebelum beliau membuat tuduhan kepada seorang Menteri yang bertanggungjawab atau Kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Menteri tidak beri jalan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu buang masa dengan memberi jalan kepada seorang yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Yang Berhormat dari Seremban mengatakan doktor muda ini menjadi mangsa sahaja oleh kerana compulsory service ini telah dipanjangkan daripada dua tahun kepada tiga tahun. Ahli Yang Berhormat sendiri sebagai seorang doktor, saya cuba bertanya kepada

beliau adakah seorang doktor boleh mengatakan dengan mempunyai dua tahun pengalaman "clinical experience" boleh dikatakan dia ialah seorang doktor yang cukup mahir? I am going to challenge the Honourable Member for Seremban as to whether he can state in this House dua tahun pengalaman "clinical experience", sudah boleh dikatakan pengalaman yang cukup, pengalaman yang baik, pengalamannya boleh mencegah berbagai-bagai penyakit?

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua

Tan Sri Lee Siok Yew: Ya, saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak tegur atau point of order?

Dr Chen Man Hin: Reply, bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat Menteri sedang membuat ucapan. Jikalau hendak tegur salah peraturan, saya boleh benarkan.

Dr Chen Man Hin: Yang Berhormat Menteri itu kata hendak challenge!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak challenge, kemudian boleh jawab. Sila Yang Berhormat Menteri!

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya telah berkhidmat di Kementerian ini hampir lima tahun. Saya pun faham banyak penyakit-penyakit diperiksa oleh seorang doktor yang mempunyai dua tahun pengalaman, diagnosis itu tidak berapa betul. Kita boleh mencari repot-repot daripada hospital. Bila mereka itu tidak boleh buat apa-apa lagi, mereka yang berkenaan menulis surat kepada pesakit itu "awak masuk ke hospital." Jadi pihak hospital Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dengan telitinya, kemudian kita dapat tahu siasatan (diagnosis) oleh doktor yang berkenaan itu tidak berapa betul. Ini menimbulkan berbagai-bagai kesulitan bukan sahaja doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan bahkan kepada pesakit juga.

Untuk menambahkan Compulsory Service doktor-doktor yang muda itu setahun lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini saya telah berhubung rapat dengan President M.M.A.

Ahli-ahli Jawatankuasa M.M.A. ada berhubung rapat dengan saya. Kita mengkaji, berunding dan bertukar fikiran. M.M.A. sebenarnya adalah menyokong penuh Pindaan yang dijalankan oleh Kementerian ini dilanjut atau ditambah setahun lagi, dari dua tahun kepada tiga tahun, tetapi ada satu golongan doktor yang muda ini tidak puashati. Golongan yang mahir, yang bertanggungjawab, Ketua M.M.A. atau Ahli-ahli Jawatankuasa M.M.A. itu telah bersetuju cadangannya oleh Kementerian saya. Bukan Kerajaan kita sahaja yang berbuat demikian, negeri-negeri lain pun ada. Saya boleh beri contoh seperti Greece misalnya. Mereka itu sungguhpun adakan seorang doktor untuk 500 orang penduduk, negeri yang maju seperti ini telahpun ada Rang Undang-undang terhadap doktor-doktor yang muda itu memerlukan perkhidmatan dalam Kerajaan sekurang-kurangnya tiga tahun, barulah boleh diberikan fully registered and become private practitioners.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja negara kita merasakan kekurangan doktor, Kerajaan Singapura pun begitu juga. Baru-baru ini dalam bulan Mei saya ada bersama dengan Menteri Kesihatan Singapura di Geneva, kita bertukar fikiran, saya bertanya apa sebabnya doktor-doktor di Singapura minta resign from the Government Service. Dia mengatakan berkhidmat dengan Kerajaan gajinya tidak boleh dibandingkan dengan gaji-gaji atau pendapatan kerja di luar. Inilah satu faktor. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang di open market seorang doktor yang mempunyai dua tahun pengalaman boleh mendapat \$2,000 atau \$2,500 tetapi berkhidmat di Kerajaan hanya mendapat \$1,150. Ini satu faktor yang kita tidak boleh nafikan, sungguhpun ada doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan mereka hendak teruskan berkhidmat dengan Kerajaan, akan tetapi dengan pentadbiran Kementerian ini seorang doktor selalu terpaksa bertukar daripada satu tempat ke satu tempat bila mereka telah naik pangkat. Ini satu practice pentadbiran yang dijalankan oleh Kerajaan. Doktor-doktor ini tidak mahu bertukar, mereka itu terus resign from the hospital dan perkara ini telah berlaku oleh kerana mereka itu tidak mahu bertukar ke tempat yang lain, dari satu tempat seperti Kuala Lumpur ke satu tempat seperti Ulu Selangor dan sebagainya. Inilah satu masaalah yang timbul dan masaalah ini

Kementerian ini akan mengkaji apakah langkah yang sesuai untuk menolong sesama kakitangan kita bukan sahaja doktor tetapi juga kakitangan-kakitangan yang lain.

Satu soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong iaitu berkenaan dengan scholarships diberi kepada doktor-doktor yang hendak melanjutkan "post-graduate studies". Kementerian ini telah menyediakan berbagai-bagai scholarships untuk doktor-doktor yang mahir.

Doktor-doktor itu tidak mahu menerima tawaran scholarship itu pun diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran atau post-graduate studies on no-pay leave daripada 3 bulan hingga 6 bulan, sekarang daripada 6 bulan sampai satu tahun. Inilah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada doktor-doktor kita. Dan juga post-graduate studies diadakan di Malaysia, seperti F.R.C.S. F.R.C.P. Part I dan sebagainya dan pelajar-pelajar diberi kemudahan-kemudahan untuk mengambil peperiksaan di Malaysia. Kita sekarang sedang mengkaji serta menasihati External Examiners daripada England supaya peperiksaan Part II juga boleh dibuat di Malaysia. Pada tahun yang sudah bilangan doktor-doktor yang muda ini sejumlah 120 orang yang mengambil peperiksaan Part I, Post-Graduate Studies itu di Malaysia, kelulusannya saya rasa sangat cemerlang ialah 50% yang lulus. Kepada mereka yang telah lulus Part I itu apabila mereka itu hendak melanjutkan pelajaran Part II di England dan Australia. Kementerian Kesihatan ini ada memberikan berbagai-bagai kemudahan yang boleh untuk menolong mereka itu supaya mereka itu dapat peluang meneruskan pelajaran Part II di luar negeri.

Dengan sebab itulah doktor-doktor yang pada masa yang lalu kita mengambil doktor-doktor daripada luar negeri mereka itu tidak ada lebih pengalaman seperti doktor-doktor pada tiga tahun yang lalu doktor-doktor yang lulus daripada India dan Indonesia dan mereka itu boleh datang ke sini untuk melanjutkan housemanship di negara kita. Tetapi sekarang kita sudah tutup cara ini oleh kerana kita ada lebih bilangan doktor-doktor yang dikeluarkan daripada negeri ini dan juga doktor-doktor yang dilatih luar negeri sekarang ini pun telah meninggalkan tarafnya. Sekurang-kurangnya ada lima tahun pengalaman clinical experience barulah Kementerian kita mengkaji permohonan

daripada luar negeri. Ini boleh dikatakan mutu telah bertambah tinggi, bukan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu gagal (failure). Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka merasa failure, oleh kerana rakan beliau sudah lari. Bukan Kerajaan yang failure. Kerajaan mencapai kejayaan yang besar baik dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ada suatu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Beliau mencadangkan oleh kerana kekurangan bumiputra yang mahir menjadi doktor bolehkah Pembantu-pembantu Hospital yang terlatih itu boleh dimasukkan ke Fakulti Perubatan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kemasukkan ke Fakulti Perubatan itu adalah mengikut kelayakan-kelayakan seseorang dan jikalau ada Pembantu-pembantu Hospital mempunyai kelayakan untuk melanjutkan pelajaran di bidang perubatan itu terpujalah kepada Fakulti Perubatan Universiti yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput berkaitan dengan Lembaga Peperiksaan. Saya boleh memberi jaminan bahawa Ahli-ahli Lembaga Peperiksaan ini akan diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab. Saya boleh memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini. Ahli Majlis Lembaga Peperiksaan ini adalah Ahli-ahli atau Profesyor-profesyor yang mempunyai akademik perubatan yang baik dan orang yang bersikap ikhlas. Mereka itulah yang boleh dilantik di dalam Lembaga Peperiksaan yang akan diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya cuma mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua mereka yang telah menyokong penuh cadangan pindaan oleh Kementerian saya. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah memberikan pandangan serta juga pujian atas apa yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan. Dengan semangat ini, saya percaya perkhidmatan perubatan dan kesihatan serta pergigian di negara kita ini akan bertambah baik, dan mutunya akan bertambah tinggi

serta juga semangat rakyat akan bertambah dan mempunyai tubuh badan yang sesuai untuk membantu Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Yang Ketiga pada masa akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

BANTUAN KEWANGAN KEPADA SETINGGAN-SETINGGAN

6.10 pgt.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali menarik perhatian dari Dewan ini bahawa perkara yang saya bangkitkan ini mungkin adalah merupakan satu perkara yang kecil terhadap segelintir orang sahaja, kerana ia hanya terlibat satu jumlah yang tak banyak dan keluarga yang terlibat hanya 17 yunit sahaja di dalam kawasan saya.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya perkara yang kecil dari kacamata segelintir orang itu tidak diselesaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan, seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ianya bukan sahaja akan

membuktikan bahawa betapa tidak kecekapan pihak yang berkenaan ini, juga imej kejujuran Kerajaan pun akan terpengaruh. Tak dapat dinafikan bahawa ini akan mengakibatkan kehilangan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari tahun ini, saya diberitahu oleh 20 buah keluarga dari kawasan Salak South, iaitu sebuah kawasan yang terletak di belakang Malaysia Wooden Box Factory, bahawa Dewan Bandaraya telah memerintah bahawa rumah-rumahnya hendaklah diruntuhkan demi kepentingan pembinaan projek rumah murah. Pada 23hb Januari, 1976, saya menyurat kepada Dewan Bandaraya untuk merayu bahawa bantuan kewangan sebanyak \$1,000 hendaklah diperuntukan kepada keluarga-keluarga yang terlibat itu, kerana kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah seperti kaum buruh, pekerja pembinaan, kaum penaja dan lain-lain. Salinan surat saya ini juga adalah dialamatkan kepada bekas Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Selepas beberapa mesyuarat diadakan di antara saya dan Encik Ramli Mohamed, iaitu seorang Pegawai Pembangunan dan Estet, juga Urusetia, Dewan Bandaraya yang bertanggungjawab untuk menempatkan keluarga-keluarga yang terlibat itu, Encik Ramli kemudiannya bersetuju untuk memberikan satu jumlah wang \$500 kepada tiap keluarga, iaitu diberikan dengan secara beransur bayaran dua kali. Bayaran pertama ialah \$200 ketika mereka berpindah ke tapak yang sementara waktu, bayaran kedua ialah \$300 pada waktu mereka ditempatkan dalam rumah-rumah awam yang dibina oleh Dewan Bandaraya.

Memandangkan janji yang diberikan oleh pihak yang berkenaan ini, maka keluarga-keluarga yang terlibat ini pun bekerjasama dengan pihak yang berkuasa dan pindah ke tapak untuk sementara waktu itu.

Pada pertengahan bulan Mac, 1976, mereka telah pindah ke tapak baru itu dengan meruntuhkan kampung halamannya yang mereka tinggal melebihi 20 tahun lamanya.

Malangnya, hingga saat ini, melebihi 3 bulan lamanya, mereka masih belum lagi menerima apa-apa bayaran daripada pihak

yang berkuasa, iaitu bayaran pertama yang berjumlah \$200. Saya sudah berkali-kali bertanya pihak yang berkuasa tentang perkara bayaran ini, tetapi tiap kali saya diberitahu bahawa perkara ini telah dirujukkan kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi untuk kelulusan. Kelambatan bayaran ini adalah sangat-sangat mengecewakan, juga mengakibatkan rakyat menaruh syakwasangka pada janji yang diberikan oleh Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb Jun 1976, saya sekali lagi menyurat kepada Datuk Bandar, dan salinannya kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan, untuk bertanya kedudukan pembayaran ini, supaya ianya dapat disampaikan kepada keluarga yang berkenaan. Saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberikan satu jawapan yang memuaskan nanti.

Sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya suka menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Kerajaan dengan memberikan pelbagai bantuan dan aturan yang diberikan kepada penduduk-penduduk Kg. Temenggong di Hulu Perak baru-baru ini. Di sini, saya suka meminta Kerajaan dapat memberikan layanan yang sama kepada semua rakyat yang terlibat dalam projek-projek pembangunan Kerajaan, tanpa pengiraan warna kulit, bangsa, keagamaan supaya yang terlibat dan terpengaruh ini dapat menikmati satu layanan dan peruntukan fasiliti yang sama.

Ini adalah mustahak untuk menarik sokongan "hati dan fikiran" rakyat terhadap Kerajaan, terutamanya golongan yang miskin dan terlibat dalam pengambilan tanah Kerajaan.

Saya ingin sekali menunjukkan bahawa langkah-langkah penempatan setinggan yang diambil oleh Dewan Bandaraya dalam tempat-tempat di kawasan Persekutuan ini, terutamanya di dalam kawasan saya, adalah sangat-sangat mendukacitakan. Perlu disedari bahawa penduduk-penduduk yang terlibat di dalam kawasan ini tidak boleh dianggap sebagai setinggan kerana kebanyakan mereka telah berkediaman di sana melebihi 20 tahun lamanya.

Bolehlah didapati bahawa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dari Dewan Bandaraya ini adalah selalu bersikap sepi

terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan rakyat yang tidak bernasib baik ini. Kadang-kadang janji seperti fasiliti-fasiliti bekalan air dan letrik, longkang dan jalan-jalan ini pun tidak dikotai langsung. Keadaan kediaman sekitarnya pun sangat-sangat mendukacitakan.

Saya adalah menyeru Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat memperhati dan menyiasat masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

6.20 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, setinggan-setinggan yang dibayar sagu hati sebanyak \$200 itu ialah setinggan-setinggan yang menduduk di atas rizab jalan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban. Secara langsung mereka ini terlibat dengan pembinaan lebuhraya tersebut yang mana tanah-tanah yang diduduki itu dikehendaki dengan segera. Pembayaran adalah dibuat oleh pihak J.K.R. Persekutuan daripada peruntukan projek lebuhraya tersebut dan bukannya oleh UDA atau Dewan Bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan penempatan semula setinggan-setinggan yang terlibat ini satu kawasan iaitu lot 4175 telahpun dipilih yang akan dimajukan secara site and service oleh UDA dan Dewan Bandaraya. Sebenarnya di atas lot yang tersebut, iaitu 4175 ini terdapat 33 keluarga setinggan dan kemungkinan besar golongan setinggan inilah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam ucapan beliau tadi. Disebabkan mereka ini tidak terlibat secara langsung dengan pembinaan lebuhraya itu maka pembayaran sagu hati tidaklah dibuat. Walau bagaimanapun mereka ini akan dipelawa memohon untuk mendapatkan tapak-tapak dirancangan site and service apabila siap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh berjanji lagi di sini bahawa saya boleh menyiasat selanjutnya perkara ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 12hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.22 petang.